



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

Unimap 2025 (2018-2025)

UniMAP 2025

ISI KANDUNGAN

Visi & Misi, Nilai Teras dan Objektif UniMAP	2
Aluan Naib Canselor	3
Latar belakang UniMAP	4
Ringkasan Eksekutif	5
Info & Statistik Utama UniMAP	7
Pencapaian UniMAP 2025 Fasa I	19
Pencapaian UniMAP 2025 Fasa II	40
Pelan Strategi UniMAP 2025 Fasa III	57
Penutup	106
Sidang Editorial	107

Visi & Misi, Nilai Teras dan Objektif UniMAP

VISI, MISI, NILAI TERAS & UNIMAP 2025



OBJEKTIF UniMAP



Aluan Naib Canselor

UniMAP 2025 adalah respons universiti terhadap IR4.0 dan agenda lestari. Pada masa yang sama pelan ini ialah pendekatan proaktif dalam memastikan Universiti Malaysia Perlis kekal relevan dalam agenda pembangunan Negara menjelang tahun 2025 dan seterusnya. Untuk kejayaan matlamat strategik UniMAP 2025, kita juga memberi tumpuan kepada faktor kejayaan kritikal, yang selain kewangan, juga merangkumi pemantapan kapasiti bakat dan infrastruktur. Objektif strategik dan indikator yang ditetapkan dalam pelan UniMAP 2025 menggambarkan komitmen UniMAP untuk mencapai hasrat Visi dan Misi universiti. Kesemua petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan pada peringkat nasional telah diintegrasikan dengan KPI UniMAP 2025. Maka, melalui pelan ini, warga UniMAP akan



dapat melihat keseluruhan strategi universiti yang bersifat holistik dan bersepadu. Pelaksanaan inisiatif dalam UniMAP 2025 InsyaAllah akan membawa UniMAP kepada kejayaan yang diidam-idamkan. Saya yakin cita-cita besar UniMAP akan dicapai, dengan usaha semua warga universiti. Marilah kita mengorak langkah untuk kesejahteraan UniMAP.

Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Bin Sauli
Naib Canselor UniMAP

Latar Belakang UniMAP

UniMAP ditubuhkan sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada 25 Julai 2001 dan dinamakan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Penubuhan KUKUM bertujuan melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong Pelan Induk Perindustrian Negara. Hasrat untuk memastikan terdapatnya jurutera yang mahir dan berpengetahuan tinggi dari aspek teori dan juga praktikal. Dinaik taraf dan dijenamakan sebagai UniMAP pada tahun 2007, UniMAP ialah universiti awam yang ke 17 ditubuhkan di Malaysia.

UniMAP melaksanakan penstrukturan semula setelah penubuhannya pada tahun 2020, yang melibatkan penggabungan entiti sedia ada, perubahan nama entiti dan pewujudan Bahagian/Unit baharu. Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan struktur baharu ini pada 2 Mac 2020, dan kelulusan oleh Kementerian Pengajian tinggi (KPT) diperolehi pada 12 Jun 2020. Struktur baharu bagi PTj bukan akademik mula beroperasi pada 15 April 2020, manakala struktur baharu PTj akademik bermula pada 15 September 2020. Perubahan secara berfasa ini mengambil kira keperluan menampung pelaksanaan transisi berskala besar di UniMAP dan memastikan kelancaran hal-ehwal berkaitan akademik iaitu penstrukturan semula hanya berkuat kuasa selepas tempoh pengkuliah selesai sepenuhnya pada bulan September 2020.

UniMAP kini menawarkan 129 program pengajian yang merangkumi program kejuruteraan, teknikal, pengurusan perniagaan dan sains sosial/ kemanusiaan pada peringkat diploma, sarjana muda dan pascasiswazah (sarjana dan kedoktoran). Kesemua program tersebut ditadbir dan ditawarkan oleh enam fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Elektrik (FKTE), Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Elektronik (FKTEN), Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Mekanikal (FKTM), Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Kimia (FKTK), Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Awam (FKTA) dan Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK).

Pembelajaran bagi program teknikal dan kejuruteraan dilaksanakan secara intensif-makmal bagi menghasilkan jurutera yang berkebolehan mereka bentuk, membina, menguji dan menyelenggara peralatan serta sistem. Dengan lain perkataan, jurutera kelahiran UniMAP mampu mengaplikasikan sebarang konsep dan teori yang berkaitan dalam pelaksanaan tugas mereka. Kurikulum yang disediakan telah direka bentuk supaya setara dengan sebarang program kejuruteraan yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia, iaitu yang mengambil kira keperluan yang digariskan dalam *Washington Accord*, *Sydney Accord* dan *Dublin Accord*.

Ringkasan Eksekutif

UniMAP 2025 ialah pelan strategik UniMAP yang mencakupi tempoh 2018-2025 dan mempunyai tiga fasa pelaksanaan (Fasa I, II dan III). Teras UniMAP 2025 terdiri daripada lapan (8) teras utama dan tiga (3) teras pemangkin. Sebagai konteks dan untuk menunjukkan kelangsungan UniMAP 2025, dokumen ini membentangkan pencapaian Fasa I dan Fasa II UniMAP 2025, serta inisiatif/ pencapaian terpilih bagi setiap Teras.

Bagi Fasa III pelaksanaan UniMAP 2025, selain pembentangan inisiatif yang dirancang untuk mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI), setiap Teras juga telah mengenal pasti risiko yang terlibat dalam usaha berkenaan serta Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Hal ini penting supaya pemantauan yang dibuat akan benar-benar efektif, dan pada masa yang sama menimbulkan kepekaan pelaksana terhadap peranan yang dimainkan oleh Teras dalam objektif lestari.




UniMAP 2025 dibangunkan berdasarkan pencapaian Universiti pada tahun-tahun sebelum 2018, mengambil kira tujuan penubuhan UniMAP sebagai sebuah universiti teknikal dan peranan yang perlu dimainkan oleh universiti ini dalam pembangunan sosioekonomi Negara. Perubahan persekitaran pendidikan tinggi tempatan dan global yang begitu dinamik menjadi salah satu perkiraan dalam pembangunan Pelan ini. Rujukan telah dibuat kepada pelbagai sumber, mengambil kira dasar dan hala tuju nasional. Antara dokumen dan rujukan yang dijadikan panduan termasuk:

- Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020)
- Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025)
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 -2025 (Pendidikan Tinggi)
- Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)
- Ciri-ciri kecemerlangan Universiti seperti indikator yang digunakan dalam sistem penarafan dan pemeringkatan nasional dan global seperti MyRA, SETARA, QS World University Rankings, THE World University Rankings, THE Impact Rankings dan sebagainya.


Kesemua lapan Teras dalam UniMAP 2025 disokong oleh Objektif Strategik, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sasaran pusat yang ditetapkan oleh kumpulan Teras masing-masing. Untuk memastikan pelaksanaan aktiviti dan inisiatif berjalan dengan lancar supaya sasaran pusat berjaya dicapai, semua sasaran dilatakan kepada fakulti dan pusat tanggungjawab yang berkaitan. Pemantauan pencapaian sasaran dilaksanakan setiap suku tahun, dan data pencapaian diinput melalui penggunaan sistem *Dashboard*. Prestasi pencapaian UniMAP 2025 boleh dilihat secara dalam talian melalui sistem *ePIC* oleh warga universiti dan umum tanpa berkeperluan kepada sebarang kata laluan, iaitu di <https://epic.unimap.edu.my/> dan terus klik 'Pencapaian UniMAP'. Pemantauan juga dibuat terhadap risiko yang dikenal pasti dalam usaha mencapai sasaran yang ditetapkan, iaitu melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko universiti yang pada peringkat tertinggi dipengerusikan oleh ahli Lembaga Pengarah Universiti UniMAP.

Info & Statistik Utama UniMAP


FAKULTI UniMAP



MAKLUMAT STAF



TAWARAN PROGRAM



TAWARAN PROGRAM

Faculties	TOTAL PROGRAMS OFFERED	TVET PROGRAM	TOTAL ENROLMENT	ENROLMENT FOR TVET PROGRAMS
FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI AWAM	4	2	938	323
FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MEKANIKAL	11	8	1703	882
FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI	3	1	2474	636
FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI KIMIA	7	4	1315	614
FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRONIK	10	6	2659	1245
FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRIK	7	5	2190	871
% TVET programs :		$(26/42) \times 100 = 62\%$	% TVET enrolment:	$(4571/11280) \times 100 = 40.52\%$


Bidang niche UniMAP

PEMERKASAAN AKADEMIK & TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PENDIDIKAN




#UoMPerlis #UoMPerlisSociety #DigitalLearning@UoMPerlis
 Sosial Media: Facebook, YouTube, Instagram, LinkedIn, Twitter
 #perlisgaramaunibap #uodigitalperlis
 www.uo-map.org

STATUS AKREDITASI PROGRAM SARJANA MUDA MENGIKUT TAHUN




STATUS AKREDITASI PROGRAM PASCASISWAZAH MENGIKUT TAHUN



PRESTASI GE TERBAIK UniMAP




PRESTASI GE PENDAPATAN BULANAN SISWAZAH 2021



PENCAPAIAN SETARA 2011-2019



KERANGKA SETARA



UniMAP dalam kategori *mature University*

INDIKATOR & KRITERIA SETARA

General	Teaching & Learning	Research Capacity	Services and Income generation
<ol style="list-style-type: none"> 1. Student Quality and Diversity 2. Lecturer Capability 3. Academic Staff Recognition 4. Quality Management System 5. Waqf, Endowment, and Financial Sustainability 6. Institutional Reputation 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Adequacy and Capacity of Academic Staff 2. Student Satisfaction 3. Quality of Graduates 4. Internationalization of Academic Program 5. Program Recognition 6. Lifelong Learning 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Critical Mass 2. Research Income 3. Quantity Publications 4. Quality Publications 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Income from Commercialization of Ideas 2. University Social Responsibility (USR) and Knowledge Transfer Program (KTP) to industry and Community including Translational Research 3. Education and Training Programs 4. Other Sources of Income

PENCAPAIAN MyRA 2014 – 2021



PENCAPAIAN MyRA 2017 – 2021

Section	Assessment Criteria	Full Marks (2017-2018)	Full Marks (2019-2020)	2017	2018	2019 *Unofficial	2020 *Unofficial	2021 *Unofficial
Section A	General Information	-	-	-	-	-	-	-
Section B	Quantity & Quality of Researchers	25	22	8.3 (33.2%)	7.96 (31.8%)	8.81 (40.0%)	12.79 (57.5%)	13.59 (62%)
Section C	Quantity & Quality of Research	30	30	12.6 (42%)	13.89 (46.3%)	19.66 (65.5%)	20.75 (69.5%)	20.64 (69%)
Section D	Quantity & Quality of Postgraduates	15	15	20.26 (135.1%)	23.02 (153.5%)	23.27 (155%)	19.80 (129%)	20.07 (134%)
Section E	Innovation	10	10	1.26 (12.6%)	0.98 (9.8%)	2.92 (29.2%)	10.99 (110%)	9.26 (93%)
Section F	Professional Services & Gifts	7	7	5.29 (75.6%)	3.61 (51.6%)	3.59 (51.3%)	2.76 (39.43%)	2.40 (34%)
Section G	Networking & Linkages	10	13	1.92 (19.2%)	3.12 (31.2%)	11.39 (87.6%)	12.71 (97.8%)	12.55 (97%)
Section H	Support of Facilities	3	3	1 (33.3%)	1.67 (55.7%)	3.00 (100%)	3.00 (100%)	2.33 (78%)
Total Marks				50.63	54.25	*72.64	*82.28	*80.84

*Unofficial Data: 2019 & 2020 data has been audited by KPT, but results are not yet announced, 2021 data has not been audited by KPT)

*Unsatisfactory ; *OK (>75%) ; *Excellent (>100%)

Publication (C1)

- Scopus/WOS/ERA indexed journal
- Total citations (last 5 years)
- Indexed journal (MyCite)
- Research book & chapters
- Policy papers
- Others (non-indexed journal, case study, technical reports, articles, newsletters, original writings, publications from conferences, digital or print media)

Awards & Recognitions (B4)

- Academic/Professional body
- Selected research exhibition (with Gold/ Special Award)
- Other research awards

Innovation (E)

- Patents
- Commercialized product
- Technology know-how licensing
- Other IPRs
- Start-up/spin-off company

Postgraduates (D)

- PhDs & Masters graduated
- PhD student/Academic staff ratio
- Postgraduate Enrolment
- Postgraduates with enrolled CGPA >=3.0
- Postgraduates with fellowship/scholarship
- Post-doctoral appointment

Principal Investigator (B1)

- National and university grants (S&T RM20K/ Non-S&T RM5K)
- Industrial & International grants (S&T RM10K/ Non-S&T RM5K)



Research Grant (C3 & C4)

- Received research funds
- Grants completed without extension



Support Facilities (H)

- Accredited lab
- Library facilities (Book, Online book, Journal subscription)

Professional Services & Gift (F)

- Postgraduate fees (by research only)
- Training/Conference/Seminar/Consultancies/Lab services
- Commercialization/Licensing fees
- Endowment
- Gifts/Donations (Money/Equipment/ Research materials >= RM3K)


Academic Qualification & Research Experience (B2 & B3)

- PhD holder or Professional qualification (Ir, Ts, CEng, Ar, Sr, FRCP etc.)
- Research Experience: 30% Cohort A > 50 yrs; 40% Cohort B 40-50 yrs; 30% Cohort C < 40 yrs


Networking & Linkages (G)

- National MoA & International MoA/MoU
- National & International Academic/Professional body membership
- Community – knowledge transfer project
- Research collaboration (with 3 external institutions)
- Research mobility (min. 5 days excluding travel time)

GERAN PENYELIDIKAN



RAKAN STRATEGIK ANTARABANGSA



65

Memorandum of Agreement (MOA)

63

Memorandum of Understanding (MoU)

19

Letter of Intent (LOI)
Letter of Authorization (LOA)
Research Collaboration Agreement (RCA)

Data
2017-2022

KOLABORASI INDUSTRI



PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI



JUMLAH ALUMNI



**Alumni @
Industry
5,288**


PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI

3 BERDASARKAN KAJISELIDIK PADA 02/12/2022 KEPADA SERAMAI 5288 ALUMNI

BIL	INDUSTRI	BILANGAN ALUMNI
1	ELECTRICAL & ELECTRONIC	1211
2	MANUFACTURING	942
3	SEMICONDUCTOR	836
4	IT & TELECOMMUNICATION	465
5	MEDICAL & HEALTHCARE	292
6	CONSTRUCTION	284
7	ENGINEERING	169
8	WHOLESALE & RETAIL	163
9	FINANCE & INSURANCE	153
10	FOOD & BEVERAGE	148
11	AUTOMOTIVE	118
12	OTHERS	91
13	CONSULTANCY SERVICES	77
14	CHEMICAL	47
15	TRANSPORTATION & LOGISTIC	47
16	AGRICULTURE & PLANTATION	46
17	EDUCATION	36
18	TOURISM & HOSPITALITY	34
19	E-COMMERCE	30
20	OIL & GAS	28
21	COURIER & DELIVERY SERVICES	18
22	CREATIVE & ENTERTAINMENT	15
23	PROPERTY INVESTMENT	14
24	SAFETY & SECURITY	10
25	AEROSPACE	9
26	MARINE	5
		5288

PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI

**BERDASARKAN KAJISELIDIK PADA
02/12/2022 KEPADA SERAMAI 5288
ALUMNI**



PENCAPAIAN PENARAFAN ANTARABANGSA



THE World University Rankings



THE Impact Rankings



QS World University Rankings



THE Asia University Rankings



QS Asia University Rankings




As of
June 2022

Pencapaian UniMAP 2025 Fasa I

TERAS 1: PENGUKUHAN AKADEMIK

- Objektif Strategik: (OS1) Menjadi institusi TVET yang ternama
- Objektif Strategik: (OS2) Melaksanakan kerangka pendidikan fleksibel UniMAP
- Objektif Strategik: (OS3) Tenaga pengajar yang berkualiti
- Objektif Strategik: (OS4) Memastikan enrolmen pelajar yang mampan



Inisiatif terpilih Teras Pengukuhan Akademik

Penawaran program profesional untuk peningkatan kemahiran dan kompetensi

Pusat Pembangunan Profesional Dan Pembelajaran Berterusan (PDCE) menawarkan program profesional bertujuan meningkatkan kemahiran dan kompetensi tenaga kerja profesional dalam industri TVET negara, supaya mereka dapat terus maju dalam bidang dan kerjaya masing-masing. Sasaran peserta dan pelajar ialah dalam kalangan tenaga kerja dalam industri pembinaan pada tahap pengurusan tertinggi dan penyelia. Kohort pertama program ini bermula pada Ogos 2020, iaitu bagi program Diploma Profesional dalam Tapak Pembinaan.



Program pendedahan pelajar sekolah kepada STEM

Salah satu inisiatif UniMAP dalam meningkatkan enrolmen pelajar STEM ialah melalui pendedahan STEM kepada para pelajar sekolah. Staf UniMAP telah mengambil inisiatif membantu pelajar Kelab Robotik Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Khoo Aik, Kangar, Perlis membangunkan UniMAP EV3 Robot Trainer. Program ini melibatkan 11 orang staf Fakulti Kejuruteraan Teknologi Elektrik UniMAP, dalam kalangan pensyarah, pegawai latihan vokasional dan juruteknik, melatih dan menyediakan pelajar untuk EV3 MindStorm Robot dalam aspek kelengkapan *hardware* and *software* sepanjang tahun 2020.



Program latihan Design with CATIA V5 – Fundamental

Pada 2020, satu program *Design with CATIA V5 – Fundamental* telah dilaksanakan oleh UniMAP dengan kerjasama jurulatih dari Feiran Technology Sdn Bhd yang berkeelayakan sebagai jurulatih CATIA software (Dassault Systeme) di Malaysia. Program ini bertujuan meningkatkan kesediaan peserta untuk bekerja dalam bidang reka bentuk berbantuan komputer, terutamanya dalam penggunaan perisian CATIA yang digunakan oleh kebanyakan perusahaan di Malaysia. Peserta diberi latihan kepada asas *sketching (drafting)*, *part assembly (part assembly)*, *surface methods* dan *3D modelling*.




TERAS 2: PEMERKASAAN PENYELIDIKAN, INOVASI & PENGKOMERSIALAN

Objektif Strategik: (OS1) Memperkasakan impak penyelidikan di persada antarabangsa

Objektif Strategik: (OS2) Mengukuhkan ekosistem penyelidikan yang mampan

Objektif Strategik: (OS3) Memacu inovasi dan pengkomersialan




Inisiatif dan pencapaian terpilih Teras Pemerksaan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan

Produk UniMAP di pameran penyelidikan

Pada tahun 2020, UniMAP telah menghantar produk penyelidikan ke tiga (3) pameran penyelidikan yang diiktiraf dalam MyRA. UniMAP telah menghantar sebanyak 15 produk ke *Malaysia Technology Expo (MTE) - COVID-19 International Innovation Awards Special Edition*, 50 produk ke *31st International, Invention Innovation & Technology Exhibition (ITEX)* dan 10 produk ke *Seoul International Invention Fair (SIIF)*.




Secara keseluruhan, UniMAP telah menghantar sebanyak 188 produk penyelidikan ke 20 pameran penyelidikan di dalam dan luar negara. Daripada jumlah tersebut, 97 Pingat Emas, 57 Pingat Perak, 27 Pingat Gangsa dan 9 Anugerah Khas telah berjaya dimenangi oleh penyelidik UniMAP. Rajah menunjukkan pungutan pingat oleh UniMAP di pameran inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2020:



Pendaftaran perlindungan Harta Intelek

Tahun 2020 juga melihat peningkatan dalam pendaftaran perlindungan Harta Intelek. Kesemua Harta Intelek UniMAP telah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Kedudukan pendaftaran perlindungan Harta Intelek bagi UniMAP pada tahun 2020 ialah seperti dalam rajah:



Geran penyelidikan

Pada tahun 2020, UniMAP menerima geran penyelidikan berjumlah RM19,754,905.50, iaitu:

- Geran Universiti (UniMAP): RM1,355,417.00
- Dana kerajaan: RM16,204,948.50
- Dana industri/ swasta: RM2,128,540.00
- Dana antarabangsa: RM66,000.00.

Usaha lestari UniMAP

Tahun 2020 menyaksikan UniMAP berjaya melibatkan 69 industri dan agensi untuk sama-sama bekerjasama ke arah komuniti mampan, yang telah melibatkan penyertaan seramai 1863 ahli komuniti. Seramai 2217 staf universiti dan pelajar turut terlibat dalam program-program yang telah dilaksanakan. Hal ini adalah permulaan yang baik dalam menyokong agenda 2030 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

UniMAP-Selangor Industrial Corporation ke arah bandaraya pintar


Majlis tandatangan perjanjian persefahaman dan pertukaran dokumen antara Selangor Industrial Corporation (SIC) dan UniMAP, Dewan Aster, P Shah Alam, Selangor menjadi tanda rasmi kerjasama UniMAP-SIC dalam membangunkan bandaraya pintar melalui pelbagai inisiatif yang melibatkan geran sebanyak RM 1,140,000.00:

- Smart Community
- Smart Gallery for Living Lab
- Smart Sport Arena
- Smart City Infra using LoRA and wireless technology for environmental, energy and traffic monitoring
- Seamless Smart Home technology integration



Pemasaran dan penjualan bahan terbitan

Sepanjang tahun 2020, hasil jualan bahan yang diperolehi adalah sebanyak RM98,205.51. Penerbit UniMAP mencatatkan sedikit peningkatan berbanding tahun sebelumnya, dan peningkatan ini dibantu oleh hasil melalui perkhidmatan pemprosesan artikel jurnal sebagai salah satu sumber penajaan kewangan kepada penerbitan dan beberapa faktor yang lain. Penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia pada tahun 2020 yang telah mengekang penyertaan Penerbit UniMAP ke pesta dan pameran buku di seluruh Malaysia secara bersemuka telah mengalih tumpuan UniMAP kepada operasi jualan secara dalam talian (online) seperti LAZADA, SHOPEE dan e-Sentral. Peratusan hasil jualan berdasarkan platform yang digunakan ialah seperti dalam Rajah:




TERAS 3: KESEJAHTERAAN PELAJAR

Objektif Strategik: (OS1) Menyediakan kampus mesra pelajar

Objektif Strategik: (OS2) Memperkasa kebajikan dan pengupayaan pelajar

Objektif Strategik: (OS3) Memampankan ekosistem keusahawanan



Inisiatif terpilih Teras Kesejahteraan Pelajar

Program Insentif Khas Kasih UniMAP

Sesi pembelajaran secara dalam talian yang dilaksanakan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menengahkan isu pelajar dari golongan berpendapatan rendah yang menghadapi masalah mengikuti kelas dan menyiapkan tugas kerana tidak mempunyai komputer untuk tujuan tersebut. Para pelajar ini telah diberi komputer bimbit percuma, yang dihadiahkan oleh pelbagai syarikat dan agensi kerajaan. Satu inisiatif khusus yang dinamakan Insentif Khas Kasih UniMAP juga membantu pelajar mendapat akses internet secara percuma. Sekitar 4000 orang pelajar telah mendapat manfaat selama sebulan hasil daripada inisiatif akses percuma tersebut. UniMAP juga menawarkan perkhidmatan perumahan percuma (sehingga 2 tahun) kepada pelajar yang terpilih daripada golongan berpendapatan rendah. Skim tersebut bernilai 1800.00 setiap pelajar, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 100,000.00 untuk 53 orang pelajar.



Pelajar dari golongan berpendapatan rendah diberi baucer makanan bernilai RM 30.00, yang boleh digunakan di sebarang kafeteria dalam kampus universiti. Inisiatif ini telah memanfaatkan sekitar 4300 pelajar dalam tempoh minggu peperiksaan.

Food Pantry
Kolej Kediaman Tunju Abdul Rahman PFI

Food Kitchen
KAFETERIA PFI
Kolej Kediaman Tunju Abdul Rahman

Kupon Makanan di Friendly Cafe
Minggu Peperiksaan Sahaja
Kupon Rincis 30 per seorangan

Wakaf Makanan
• PPK Pembuatan
• PPK Sistem Elektrik
• PPK Komputer

PPK Mekatronik (D FOTOCOPY ENTERPRISE)
PPK Pembuatan (HEDAI MAKAN NASHTIG) (HEDAI MAKAN BOSHUMTI)
PPK Sistem Elektrik (KAFE SISTEM E)
PP Inovasi Perniagaan & Teknosaahawan (IDALI KAFE PPIPT) (ELJA RIVERSIDE CORNER)
Kolej Kediaman Pauh Putra (Blok C) (RYAF UTARA ENT.)
Kolej Kediaman Pauh Putra (Blok A & B) (CHE INAI KAFETERIA)
PP Pembangunan Insan & Telekomunikasi (KAFE INDI)
Perpustakaan Tuanju Syed Fauzudin Putra (HAJLANH KITCHEN)
Kolej Kediaman Tin Sri Asyiah Ghani (RBU DAMAI ENTERPRISE)
Kolej Kediaman UluCITI Alam (P - SEVEN)
Kolej Kediaman Ruanku Tempau Fauziah (ALM CAFE)
Kolej Kediaman Simpang Empat (KAFE NOLEJ SIMPANG EMPAT)

Program Foodbank Siswa @ UniMAP

Objektif program Foodbank UniMAP yang telah beroperasi sejak tahun 2019 disasarkan khusus untuk membantu pelajar dari golongan berpendapatan rendah. Pelaksanaan program Foodbank Siswa @ UniMAP ini adalah melalui pelbagai kaedah seperti *Food Pantry* yang membekalkan makanan kering, dan *Food Kitchen* yang membekalkan makanan panas selama tiga kali seminggu. Program ini mensasarkan pelajar dari kategori B40. Bantuan makanan diberi untuk memastikan bahawa keperluan asas pelajar dipenuhi agar mereka dapat memberi tumpuan kepada proses pembelajaran dan kesejahteraan kehidupan kampus mereka adalah terjamin.



Kerjasama strategik UniMAP - Yayasan Bank Rakyat

Pada 12 November 2020, kerjasama strategik antara UniMAP dan Yayasan Bank Rakyat telah melaksanakan program CSR Akademik pelajar “Asnaf to Asnaf”. Melalui program tersebut, bantuan kewangan sebanyak RM100,000.00 telah diberikan kepada 100 orang pelajar UniMAP terpilih daripada golongan kategori B40.




TERAS 4: PENGANTARABANGSAAN

Objektif Strategik: (OS1) Menyerlahkan keterlihatan antarabangsa

Objektif Strategik: (OS2) Memperkasakan imej sebagai universiti antarabangsa

Objektif Strategik: (OS3) Memantapkan persekitaran berorientasi global



Inisiatif terpilih Teras Pengantarabangsaan

Penyelidik UniMAP ditaja Kementerian Sains & Teknologi Taiwan

Tiga orang penyelidik UniMAP telah ditaja oleh Kementerian Sains & Teknologi Taiwan untuk menghadiri *Southeast Asia 2020 International Joint-Research and Training Programme on Low Carbon and Green Energy*. Program tersebut berlangsung dari 4 hingga 14 Februari 2020, di National Tsing Hua University (NTHU), Taiwan. Profesor Madya Dr Ong Hui Lin Lynn Ong, Profesor Madya Dr Farizul Hafiz Kasim dan Profesor Madya Dr Ku Syahidah Ku Ismail telah berpeluang mengikuti syarahan yang diberikan oleh profesor terkemuka NTHU. Mereka juga telah mengadakan lawatan ke makmal berteknologi tinggi yang ditaja oleh industri dan kerajaan Taiwan.



Program Mobiliti Outbound

Program CommTech Camp Insight 2020 ialah program yang dianjurkan oleh Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Surabaya, Indonesia. Program ini memberi peluang kepada peserta dalam kalangan pelajar universiti, ahli akademik dan professional dari seluruh dunia untuk mempelajari tentang isu-isu komuniti dan global melalui pelbagai pemerhatian dan aktiviti. UniMAP juga telah mengambil bahagian dalam program *IMT-GT UNINET Virtual Mobility Programme: Teen-Talk Project*, dan *Virtual Mobility Program: Teen Ideas 2020*.

CommTECH Camp Insight 2020 Di Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Surabaya Indonesia



Muhammad Azman Bin Muhamat War-en, pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem telah terpilih untuk menyertai program *CommTECH Camp Insight 2020* selama 13 hari bermula 29 Januari hingga 10 Februari 2020 di Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Surabaya, Indonesia. Pelajar tersebut telah menerima tajaan penuh daripada pihak penganjur untuk menyertai program tersebut.

Mobiliti (Outbound)

IMT-GT UNINET Virtual Mobility Programme : Teen-Talk Project Series 2 : Digital Volunteerism During The COVID-19 Pandemic: Possible Or Not?



IMT-GT UNINET telah menganjurkan *Virtual Mobility Programme : Teen-Talk Series* dengan kerjasama tiga buah universiti iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Syiah Kuala (UNSYIAH), Aceh, Indonesia dan Thaksin University, Thailand. Program yang berbentuk forum ini diadakan secara maya dan akan dilaksanakan sebanyak 6 siri dimana UniMAP telah menjadi penganjur siri pertama dan UNSYIAH menjadi penganjur kedua pada 22 Julai 2020.

Siri kedua anjuran UNSYIAH telah ini melibatkan 15 ahli panel dan telah dihadiri oleh seramai 130 pelajar daripada tiga buah universiti tersebut. Siri ketiga program bakal dilaksanakan pada bulan Ogos 2020 di bawah penganjuran Thaksin University, Thailand dan UniMAP akan menjadi penganjur semula bagi program tersebut pada September 2020.

Mobiliti (Outbound)

Virtual Mobility Program " Teen Ideas 2020 " ITS & UniMAP (Meeting 2) Topic : Technology in Online Teaching & Learning (OTL) : Expectation Vs Reality



Pusat Libatsama Antarabangsa (CIE), UniMAP dengan kerjasama ITS Global Engagement, Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Surabaya, Indonesia telah menganjurkan *Virtual Mobility Programme Teen Ideas 2020: Implementing Novel Technology in the Post COVID-19 Pandemic (Meeting 2)* yang merupakan kesinambungan dari Meeting 1 yang telah berlangsung pada 29 Julai 2020. ITS telah menjadi hos untuk Meeting 2 yang diadakan pada 12 Ogos 2020.


Format untuk Meeting 2 berbentuk pembentangan daripada tiga (3) kumpulan pelajar yang menggabungkan pelajar kedua-dua universiti di dalam setiap kumpulan. Tajuk pembentangan yang diberikan adalah *Technology in Online Teaching & Learning (OTL) : Expectation Vs Reality* dengan penilaian daripada enam (6) orang pensyarah daripada UniMAP dan ITS. Program ini telah berjaya menarik kehadiran khalayak seramai 112 orang daripada kalangan staf dan pelajar kedua-dua universiti.

ITS telah berbesar hati untuk memberikan penajaan *CommTECH Scholarship* kepada pelajar UniMAP yang terpilih sebagai kumpulan terbaik yang akan diumumkan semasa Grand Closing Ceremony (Meeting 7) pada bulan September 2020.

Mobiliti (Outbound)

TERAS 5: LIBAT SAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Objektif Strategik: (OS1) Membudayakan tanggungjawab sosial yang mampan
 Objektif Strategik: (OS2) Memacu kesejahteraan komuniti



Inisiatif terpilih Teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti


Pemasangan sistem solar di sekolah negeri Perlis

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE) telah memasang sistem lengkap *solar rooftop photovoltaic (PV)* dan lampu jalanan berasaskan solar di Sekolah Menengah Raja Puan Muda Tengku Fauziah pada September 2020. Inisiatif ini membantu pengurusan sekolah membuat penjimatan atas bil utiliti mereka sebanyak RM 200 sebulan, atau RM2400 setahun.



Ronald McDonald House Charities (RMHC) Sensory Room

Pada bulan Januari sehingga Mac 2020, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) dengan kerjasama pihak RMHC, Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan Pusat Sukan UniMAP telah mengadakan program bersama anak-anak istimewa daripada komuniti sekitar negeri Perlis dan Wilayah Utara bertempat di *RMHC Sensory Room*, PTSFP, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra. Program ini bertujuan meningkatkan keberkesanan terapi rangsangan deria yang berfungsi untuk menenangkan, merehatkan, meningkatkan minat dan penguasaan kemahiran kepada semua kanakkanak autisme dan golongan yang mempunyai keperluan khas.



Microcontroller-based Clinical Samples Arrival Alert System

Pada 8 Januari - 28 Februari 2020 bertempat di Unit Patologi dan Transfusi, Hospital Kuala Nerang, Kedah dan pada 19 Februari sehingga 2 Julai 2020 bertempat di Unit Patologi, Hospital Yan, Kedah, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE) UniMAP melalui Ir. Ts. Tunku Muhammad Nizar Tunku Mansur telah membangunkan *Microcontroller-based Clinical Samples Arrival Alert System* yang merupakan alat khas untuk memberi amaran kepada kakitangan Unit Patologi dan Transfusi, Hospital Kuala Nerang dan Unit Patologi, Hospital Yan, Kedah apabila sampel klinikal seperti darah dan air kencing tiba di makmal untuk ujian. Alatan ini membantu meningkatkan kecekapan sistem pengurusan sampel klinikal untuk mendapatkan hasil yang tepat dan tepat pada masanya. Selain itu, sistem ini juga akan meningkatkan produktiviti kakitangan hospital seperti di Unit Patalogi dan Transfusi serta menjimatkan kos operasi tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan.



Terowong sanitasi mudah alih kekang COVID-19

Pada bulan 18 Mac 2020, Pusat Pengajian Diploma (PPD) telah membantu Hospital Pakar KPJ, Pulau Pinang untuk memasang Terowong Sanitasi Mudah Alih (Mobile Sanitizing Tunnel) yang merupakan keperluan kecemasan bagi mencegah penularan COVID-19 dengan menghilangkan virus atau bakteria yang melekat pada pakaian pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan. Pemasangan Terowong Sanitasi Mudah Alih merupakan salah satu sumbangan bagi membantu barisan hadapan yang sedang melawan COVID-19. Terowong ini praktikal kerana bersifat mudah alih dan boleh diletakkan di tempat-tempat yang berisiko. Selain pemasangan di hospital, pihak PPD turut mendapat beberapa permintaan daripada syarikat perkilangan di sekitar Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan Kuala Lumpur untuk memasang Terowong Sanitasi Mudah Alih.




Perkongsian ilmu pengurusan acara dan fotografi sempena Hari Pengajian

Pada 28 Oktober 2020, Pusat Komunikasi Korporat (PKK), UniMAP telah mengadakan Perkongsian Ilmu Pengurusan Acara dan Fotografi yang disampaikan oleh staf PKK kepada Staf Rejimen 504 Askar Wataniah bertempat di Rejimen 504 Askar Wataniah, Kem Bukit Keteri, Perlis. Program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman kepada staf Rejimen 504 Askar Wataniah tentang teori dan amalan protokol dalam mengendalikan majlis rasmi. Selain itu, para peserta juga diberi pendedahan untuk meningkatkan kemahiran penggunaan kamera digital dan teknik penggunaan aplikasi dalam menghasilkan gambar-gambar yang menarik.



TERAS 6: KECEMERLANGAN BAKAT

Objektif Strategik: (OS1) Meningkatkan profesionalisme staf universiti



Inisiatif terpilih Teras Kecemerlangan Bakat

Program latihan bakat UniMAP

Pada tahun 2020, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan 34 skim perkhidmatan (jawatan) baharu kepada UniMAP, manakala jumlah semasa staf UniMAP yang berstatus tetap adalah 1,710 yang terdiri daripada 1,023 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 164 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 523 staf Kumpulan Pelaksana. Perancangan dan pembangunan kursus serta latihan berkaitan program e-pembelajaran dan pembelajaran sepanjang hayat dalam memenuhi visi dan misi universiti diuruskan oleh Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD). Secara amnya, program latihan yang dianjurkan sepanjang tahun 2020 memenuhi dua Teras Strategik UniMAP 2025 ; iaitu Teras Akademik & Teras Kecemerlangan Bakat.



Program latihan yang telah dilaksanakan memenuhi keperluan 4 kompetensi akademik; (1) Kemahiran Pedagogi (Pedagogical Expertise), (2) Kemahiran Teknikal (Technical Skills), (3) Kreativiti & Inovasi (Creativity & Innovation) dan (4) Komunikasi (Communication). Sebanyak 48 kursus dan bengkel telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 seperti yang berikut:

MAKLUMAT PERUNTUKAN / PROGRAM	JUMLAH KURSUS DILAKSANAKAN	JUMLAH PENYERTAAN STAF AKADEMIK
Vot Latihan Jabatan Pendaftar	18	1,314
Tabung TVET Jabatan Pendidikan Tinggi	11	480
Program <i>University Social Responsibility</i> (USR)	2	89
Kursus Anjuran Organisasi Luar	17	91
JUMLAH KESELURUHAN	48	1,974


Sebanyak 18 kursus dan bengkel telah dilaksanakan secara bersemuka dan 30 kursus dalam talian sepanjang tahun 2020. Bagi program yang dilaksanakan secara dalam talian, pautan nota dan video rakaman boleh ditonton semula di Google Sites:

<https://sites.google.com/unimap.edu.my/lead-unimaptraining/home>

TERAS 7: PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR

Objektif Strategik: (OS1) Menuju implementasi kampus pintar

Objektif Strategik: (OS2) Menuju kampus UniMAP yang mampan



Inisiatif terpilih Teras Pemantapan Infrastruktur

Program berimpak Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) Universiti Malaysia Perlis

Pada tahun 2020, PTSFP telah menjayakan inisiatif yang ditetapkan di dalam Pelan Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025 (lihat Rajah). Empat (4) inisiatif berimpak meliputi penubuhan Unit Sokongan Penyelidikan, pemantapan Sistem Repositori, penubuhan *Ronald McDonald House Charities (RHMC) Sensory Room* dan pelaksanaan Konsortium Sumber Elektronik Pendidikan Tinggi (KONSEPt) serta projek langganan pangkalan data maklumat ScienceDirect untuk Universiti Awam. Secara asasnya, pada tahun 2020 PTSFP memfokus kepada pemantapan Tunjang Sokongan Penyelidikan, Tunjang Repositori Generasi Baru, Tunjang Hub Komuniti dan Tunjang Pusat Sehati MTUN.







Fasiliti pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan

PTSFP sentiasa komited untuk menyediakan fasiliti pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan berasaskan teknologi bagi menyediakan pengalaman pembelajaran kepada warga UniMAP. Pada tahun 2020, fasiliti berwayar (*wired facilities*) ditambah baik dengan penambahan kepada empat belas (14) unit karel berwayar dan penawaran dua (2) buah *Smart Cubes* yang dilengkapi dengan televisyen pintar. Penambahan fasiliti ini bertujuan untuk meningkatkan akses kepada ruang pembelajaran bersesuaian dengan keperluan pembelajaran secara dalam talian. Fasiliti ini melengkapi kemudahan lain yang ditawarkan meliputi Bilik Karel, Bilik Diskusi, Bilik Pembelajaran Interaktif, Postgraduate Lounge, *Ind-E-Zone (Industrial Engagement Zone)*, *Noise Zone*, Hub Pembelajaran, *Library Lounge* dan Bilik Mesyuarat.



Pembangunan kampus

Usaha pembangunan kampus UniMAP sentiasa menjadi keutamaan universiti bagi memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada warga staf dan pelajar yang berada dalam kampus. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan dan memperakukan peruntukan pembangunan (DE) bagi membiayai enam (6) projek sedia ada di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas Rolling Plan Keempat (RMKe-11 RP4) (2020).

DALAM PEMBINAAN	
	
	
<p>BANGUNAN PPK BAHAN DAN PPK SISTEM ELEKTRIK</p> <p>KONTRAKTOR: AKAS ENGINEERING & TRADING SDN BHD</p> <p>KOS PROJEK: RM 107.7 JUTA</p> <p>KEMAJUAN FIZIKAL: 93.25 % (Jadual) 45.16 % (Sebenar)</p>	

DALAM PEMBINAAN



BANGUNAN DEWAN BESAR

KONTRAKTOR:
AMNA CONSTRUCTION SDN BHD

KOS PROJEK:
RM 26.7 JUTA

KEMAJUAN FIZIKAL:
100.00% (Jadual)
70.00% (Sebenar)

DALAM PEMBINAAN



**BANGUNAN PUSAT
ISLAM / MASJID**

AGENSI PELAKSANA:
JKR

KOS PROJEK:
RM 34.8 JUTA

STATUS SEMASA:
PERINGKAT REKABENTUK

DALAM PEMBINAAN



**BANGUNAN PUSAT
KESIHATAN UNIVERSITI**


AGENSI PELAKSANA:
JKR

KOS PROJEK:
RM 12.3 JUTA

STATUS SEMASA:
PERINGKAT PEROLEHAN TENDER

TERAS 8: KELESTARIAN KEWANGAN

Objektif Strategik: (OS1) Mengukuhkan sumber kewangan



Inisiatif dan pencapaian terpilih Teras Kelestarian Kewangan





Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah dianugerahkan Sijil Audit Bersih Oleh ketua Audit Negara untuk Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 2020

Wakaf Tunai @ UniMAP

Wakaf Tunai @ UniMAP ditubuhkan bertujuan untuk mengumpul dana wakaf bagi menjana manfaat berterusan untuk membantu khususnya pembangunan, kesejahteraan dan kebajikan para pelajar UniMAP. Sesungguhnya wakaf yang disalurkan pastinya akan mencurahkan pahala berpanjangan kepada pewakaf hingga hari akhirat, in sha Allah.

WAKAF Tunai
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Kaedah Bayaran

- Dibuat atas nama 'Universiti Malaysia Perlis' BANK RAKYAT : 11-001-100148-7
- Pembayaran secara online banking perlu mengemukakan bukti pembayaran give@unimap.edu.my

Kaedah Berwakaf

- Kutipan tunai
- Pembayaran internet QR Pay JomPAY

Jom mubaal pelaburan abadi dunia & akhirat dengan berwakaf secara tunai

Hasil Wakaf

- Pembangunan Pelajar
- Kebajikan Pelajar
- Aktiviti Penyelidikan Pelajar

Maklumat Lanjut

Bahagian Pendanaan, Atas-Bawah, Bangunan Canselor, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra, 02600 Arau Perlis

Puan Aliza bt. Jasmil : 012-4301222
Cik Wan Robiha bt. Rozali : 017-4053690
give@unimap.edu.my

TABUNG WAKAF RM5 RM10 @UniMAP

BIAR NAMPAK KECIL NILAINYA, TETAPI BESAR MANFAATNYA

OBJEKTIF
Kebajikan, Kesejahteraan & Pembangunan Pelajar UniMAP

BANTUAN INI BAGI

- Meringankan beban mereka yang memerlukan dan secara langsung menyumbang kepada pembangunan pendidikan UniMAP
- Membuka peluang kepada individu untuk membantu masalah kewangan mahasiswa UniMAP terutamanya pelajar B40

MAKLUKAT LANJUT

Bahagian Pendanaan, CECNet, Atas-Bawah, Bangunan Canselor, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis

Puan Aliza bt. Jasmil : 012-4301222
Cik Wan Robiha bt. Rozali : 017-4053690
give@unimap.edu.my


KAEDAH BAYARAN

- Dibuat atas nama 'Wakaf Tunai UniMAP' BANK RAKYAT : 11-001-100148-7
- Pembayaran secara perbankian internet perlu mengemukakan bukti pembayaran give@unimap.edu.my

Firman Allah SWT:
Makludaya: Orang-orang yang menzedayakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara malu atau terang, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada ketimbalan (dari kebanyakan) baktian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pada tidak akan berbalak. (Surah al-Baqarah: 274)


Pencapaian UniMAP 2025 Fasa II

Pencapaian keseluruhan Tahun 2022 Fasa II UniMAP 2025



TERAS 1: PENGUKUHAN AKADEMIK


- Objektif Strategik: (OS1) Menjadi institusi TVET yang ternama
- Objektif Strategik: (OS2) Melaksanakan Kerangka Pendidikan Fleksibel UniMAP
- Objektif Strategik: (OS3) Menawarkan program yang kompetitif
- Objektif Strategik: (OS4) Memastikan enrolmen pelajar yang mampan
- Objektif Strategik: (OS5) Menyediakan kemudahan dan sistem akademik bertaraf dunia



Inisiatif terpilih Teras Pengukuhan Akademik


Pembelajaran dalam talian

Pensyarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) tampil kreatif apabila menghasilkan inovasi *studio lightboard* dalam usaha memastikan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian lebih menarik dan berinteraktif. Inovasi *studio lightboard* ini dibangunkan oleh pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Mekanikal UniMAP, diketuai Dr Azuwir Mohd Nor, Dr Mohd Zakimi Zakaria, Prof Madya Dr Mohd Sazli Saad dan Dr Mohamad Ezral Baharudin. Lightboard tersebut mempunyai empat elemen utama iaitu kamera untuk merakam, tahan lasak, sistem penataan cahaya dan komputer.



TERAS 2: PEMERKASAAN PENYELIDIKAN, INOVASI & PENGKOMERSIALAN

Objektif Strategik: (OS1) Memperkasakan impak penyelidikan di persada antarabangsa
 Objektif Strategik: (OS2) Mengukuhkan ekosistem penyelidikan yang mampan
 Objektif Strategik: (OS3) Memacu inovasi dan pengkomersialan



Inisiatif terpilih Teras Pemerksaan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan

Produk penyelidikan UniMAP diiktiraf

Tahun 2021 telah melabuhkan tirai dengan lakaran kejayaan yang membanggakan buat UniMAP iaitu pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah dicapai dalam aktiviti pameran penyelidikan. Antara pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang disertai oleh penyelidik UniMAP adalah seperti berikut:


- MPI 2021
- CITREX 2021
- PIID 2021
- MTE 2021
- MTE (AYIA) 2021
- IAM 2021
- IPITEX 2021
- EUROINVENT 2021
- MTE COVID19
- DIID 2021
- CRI 2021
- RISE 2021
- MTE SDG 2021
- ITEX 2021
- SIIF 2021

Secara keseluruhan, UniMAP telah meraih 198 pingat dari edisi penyertaan sepanjang tahun 2021. Lebih membanggakan apabila 15 Produk Penyelidikan UniMAP telah terpilih untuk menerima Anugerah Khas pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Pengkomersialan Harta Intelekt

Terdapat dua (2) aktiviti pengkomersialan Harta Intelekt telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2021 oleh UniMAP seperti berikut:



Pengkomersialan Harta Intelekt

Perlesenan Harta Intelekt
Product: Harumanis Mango
Intelligent quality system
Ts. Dr. Fathinul Syahrir Ahmad Saad

RM 10,000
Naswira Enterprise



Perlesenan Harta Intelekt
Product: Intelligent Resource
Planning System (IRPS)
Dr. Syed Muhammad Mamduh
Syed Zakaria

RM 10,000
Ideria Sdn. Bhd.


TERAS 3: KESEJAHTERAAN PELAJAR

Objektif Strategik: (OS1) Menyediakan kampus mesra pelajar

Objektif Strategik: (OS2) Memperkasa kebajikan dan pengupayaan pelajar

Objektif Strategik: (OS3) Memampankan ekosistem keusahawanan

Objektif Strategik: (OS4) Memantapkan kepimpinan dan pembangunan bakat pelajar



Inisiatif dan pencapaian terpilih Teras Kesejahteraan Pelajar

Pembiayaan pengajian

Dalam memastikan kesejahteraan pelajar, UniMAP berusaha memastikan pelajar yang layak menerima bantuan mendapat biasiswa yang ditawarkan. Tabung Wakaf Tuani Pendidikan juga dibangunkan dan hebahan mengenai kaedah sumbangan telah dibuat secara konsisten melalui pelbagai media.

BIL	SENARAI PENAJA BIASISWA	JUMLAH PENERIMA BIASISWA	JUMLAH BIASISWA (RM)
1.	Biasiswa Kerajaan Negeri Pulau Pinang (BKNPP)	2	13,370.00
2.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	26	99,279.00
3.	Kuok Foundation Berhad (KFB)	1	7,000.00
4.	Lembaga Zakat Selangor	6	14,205.00
5.	Majlis Kanser Nasional (MAKNA)	1	7,210.00
6.	Penang Future Foundation Scholarship (PFFS)	2	1,770.00
7.	Yayasan Pelajaran Mara (YPM)	1	1,410.00
8.	Yayasan Tenaga Nasional (YTN)	113	1,077,000.00
9.	Yayasan Jasa Ann Joo (YJAJ)	1	12,000.00



BILANGAN PENERIMA TABUNG AMANAH UniMAP TAHUN 2021

BIL	JENIS TABUNG	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Tabung Sumbangan Zakat	544	259,145.00
2.	Tabung Sumbangan Zakat MAIPs	210	111,000.00
3.	Tabung Amanah Khas	185	56,900.00
JUMLAH KESELURUHAN		928	427,045.00

SUMBANGAN YANG DITERIMA

SYARIKAT	NILAI SUMBANGAN (RM)	JUMLAH PELAJAR YANG MENERIMA SUMBANGAN
PTPTN	10,000.00	1,000
UniMAP	2400.00	40
Persendirian	270.00	300
IR-SAF	2,000.00	400
Persendirian	1,500.00	400
UniMAP	2,000.00	500
KPT	5,000.00	500
JUMLAH	23,170.00	3,140

Misi Sukarelawan UniMAP: OPS Kasih Banjir 2021

Atas dasar keprihatinan yang tinggi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menghantar seramai hampir 70 sukarelawan bagi membantu mangsa banjir di beberapa daerah Klang, Kuala Langat, dan Sepang. Naib Canselor UniMAP, Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli telah melancarkan Misi Sukarelawan UniMAP: OPS Kasih Banjir 2021 itu yang melibatkan 60 pelajar dan 10 staf universiti dengan dua buah bas ke kawasan terbabit. UniMAP juga menyalurkan bantuan berupa keperluan makanan asas harian dan juga wang tunai RM200

dengan menggunakan Tabung Kebajikan dan Tabung Bencana kepada pelajar-pelajar yang terlibat dengan musibah tersebut.



Program KPT-PACE (Professional Certificate)

Program *KPT-PACE* merupakan program peningkatan kemahiran dan pengukuhan kompetensi pelajar tahun akhir dan graduan 2021 melalui pensijilan profesional berasaskan kepakaran dan kompetensi mengikut bidang. Bagi tahun 2021, dua program *KPT-PACE* peringkat UniMAP telah dilaksanakan dengan pembiayaan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, seperti di bawah.

<p>NAMA PROGRAM</p> <p>Kursus SOP Retort Dan Pensijilan MESTI</p>	<p>MASA</p> <p>10.00 Pagi hingga 5.00 Petang</p>	<p>BILANGAN PESERTA</p> <p>3 Peserta</p>
<p>FAKULTI</p> <p>Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia</p>	<p>TEMPAT</p> <p>Al-Kamil Natural Resources Sdn. Bhd. Halal Park, Kuala Perlis.</p>	<p>OBJEKTIF PROGRAM</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Memberi penerangan dan penjelasan berkaitan SOP meretort makanan dan fungsi retort. ● Memberikan penerangan pensijilan MESTI kepada usahawan yang dibimbing di bawah kursus ini. ● Membuat pemantauan ke kilang usahawan bagi mendapatkan pensijilan MESTI.
<p>PENYEDIA PERKHIDMATAN</p> <p>Al-Kamil Natural Resources Sdn. Bhd.</p>	<p>TARIKH</p> <p>9 Disember 2021 hingga 12 Disember 2021</p>	



Pelajar Diberi Taklimat Tentang Teknologi Sterilisasi Retort



Pelajar Berpeluang Untuk Mengaktifkan Mesin Retort



Pelajar Melakukan Perlabelan Dan Pembungkusan "Hot Filling"



Sesi Pemberian Sijil Dan Cenderahati Untuk Kenangan

NAMA PROGRAM

Design with CATIA

MASA

9.00 Pagi hingga 5.00 Petang

BILANGAN PESERTA

114 Peserta

FAKULTI

Fakulti Teknologi
Kejuruteraan Mekanikal

TEMPAT

MPU 6, FTKM A,
UniMAP

OBJEKTIF PROGRAM

- Meningkatkan kemahiran graduan berkaitan perisian CATIA .
- Memberi nilai tambahan kepada graduan melalui sijil professional CATIA .
- Meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam kalangan graduan.

PENYEDIA PERKHIDMATAN

FEIRAN Technology
Sdn. Bhd.

TARIKH

6 Disember 2021 hingga
19 Disember 2021




Gambar Program *Design withCATIA*

TERAS 4: PENGANTARABANGSAAN

Objektif Strategik: (OS1) Menyerlahkan keterlihatan antarabangsa

Objektif Strategik: (OS2) Memperkasakan imej sebagai universiti antarabangsa

Objektif Strategik: (OS3) Memantapkan persekitaran berorientasi global



Inisiatif dan pencapaian terpilih Teras Pengantarabangsaan

Lawatan kerja Konsul Jeneral Jepun ke UniMAP

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menerima kunjungan hormat Konsul Jeneral Jepun, Pulau Pinang, Encik Orikasa Hiroyuki. Lawatan kerja ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama dari segi program mobiliti pelajar dan aktiviti penyelidikan.




Program mobiliti rentas-MTUN

Fakulti Teknologi Kejuruteraan UniMAP telah menerima dan mendaftar 30 orang pelajar mobiliti *inbound* dari MTUN lain bagi kursus latihan industri. Manakala 30 orang pelajar FTK UniMAP telah mengikuti mobiliti *outbound* ke MTUN lain bagi kursus latihan industri. Program mobiliti *inbound-outbound* ini adalah yang ketiga yang dijalankan oleh FTK MTUN, kali ini melibatkan 10 orang pelajar masing masing dari Universiti Malaysia Pahang, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

TERAS 5: LIBAT SAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Objektif Strategik: (OS1) Membudayakan tanggungjawab sosial yang mampan

Objektif Strategik: (OS2) Memacu kesejahteraan komuniti



Inisiatif terpilih Teras Libat Sama Dan Pembangunan Komuniti

UniMAP for Society



Universiti bukan sahaja berperanan melahirkan pelajar yang mahir dalam pelbagai bidang malahan juga bertanggungjawab menyumbang kepakaran dan perkongsian ilmu dalam pembangunan komuniti. Tanggungjawab Sosial Universiti iaitu *UniMAP for Society* adalah pelaksanaan program sosial yang berimpak tinggi kepada komuniti melalui Program Pemindahan Ilmu - *Knowledge Transfer Programme* (KTP) yang berteraskan integrasi kepelbagaian bidang kepakaran bagi mensejahterakan masyarakat selaras dengan hasrat KPT iaitu berkonsepkan 'Universiti untuk Masyarakat'.

Antara projek kerjasama pembangunan komuniti dan pendidikan bagi keluarga miskin dan golongan B40 Arau, Perlis pasca pandemik COVID-19 ialah seperti berikut:

- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal melalui Penyelidik UniMAP atau lebih dikenali sebagai DyCos@ftkm telah membangunkan sebuah *Lightboard Studio* bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran atas talian dengan mengaplikasikan teknologi terkini yang lebih berinteraktif dan menarik.
- Pembangunan *Lightboard Studio* ini juga membantu meningkatkan kemahiran tenaga pengajar dalam mengaplikasikan teknologi alat bantuan pengajaran atas talian. Antara institusi pendidikan yang telah menjalinkan kerjasama dengan pihak DyCos@ftkm adalah Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman (IPGKDA) Jitra, Kedah dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Arau, Perlis.



IPGKDA, Jitra.



MRSM, Arau



Pada November 2020 hingga Ogos 2021, para penyelidik daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia (FTKK), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM) dan FSGM di bawah Geran Yayasan Hasanah telah menjalankan projek komuniti iaitu Projek Kerjasama Pembangunan Komuniti dan Pendidikan Bagi Keluarga Miskin dan Golongan 840 Arau, Perlis Pasca Pandemik COVID-19 menerusi Kebun Komuniti, Future Classroom serta Projek Pembangunan Emosi dan Jasmani (Program Bola Sepak). Objektif bagi projek-projek yang dijalankan adalah seperti:

- Kebun Komuniti
 - Mewujudkan aktiviti pertanian, perladangan dan perusahaan kecil bagi membantu keluarga miskin dan golongan B40 mendapatkan sumber makanan dan kewangan melalui penjualan hasil perladangan dan pertanian.
- Future Classroom
 - Mewujudkan kelas/ ruang pengajaran dan pembelajaran yang berteknologi tinggi bagi kanak-kanak dan pelajar-pelajar dari golongan miskin dan B40 yang tidak berkemampuan memperolehi kemudahan akses komputer dan internet bagi merapatkan jurang teknologi luar bandar dengan kawasan bandar.
- Projek Pembangunan Emosi dan Jasmani: Program Bola Sepak
 - Mewujudkan ekosistem kondusif melalui pembangunan dan pemantapan emosi dan jasmani kesan daripada wabak pandemik COVID-19 dalam kalangan golongan miskin dan B40. Mempelajari teknik-teknik yang betul ketika bermain bola sepak daripada Jurulatih Khusus secara bersemuka dan mod latihan bola kepada secara dalam talian semasa tempoh PKP dilaksanakan.




TERAS 6: KECEMERLANGAN BAKAT

Objektif Strategik: (OS1) Meningkatkan profesionalisme staf universiti

Objektif Strategik: (OS2) Memperkasakan pembangunan bakat dan pengupayaan universiti

Objektif Strategik: (OS3) Mengukuhkan kelompok bakat kepimpinan



Inisiatif terpilih Teras Kecemerlangan Bakat


Latihan secara bersemuka pasca-pandemik

Keseluruhan kursus yang dianjurkan berjalan dengan lancar mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan *Guideline for Conducting Face to Face Training During The COVID-19 Pandemic* yang dikeluarkan oleh *Human Resources Development Fund (HRDF)* dalam usaha menangani penularan wabak COVID-19.



Pelan Penggantian UniMAP

Pelan Penggantian bagi jawatan strategik dalam Pengurusan Bakat melalui *Critical Agenda Project (CAP) Leadership* telah dijalankan sejak tahun 2009 melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Fasa 1 (2007-2010) dan Fasa II (2011-2015). Agenda ini diteruskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) (PPPM (PT)) 2015 - 2025 dalam Lonjakan Kedua - Kecemerlangan Bakat yang turut didokong dengan Pelan Strategik UniMAP 2025 di bawah Teras Mencemerlangkan Bakat.




Objektif Pelan Penggantian adalah untuk membangunkan bakat staf melalui pembangunan dan latihan berteraskan kompetensi dan merancang penggantian bagi jawatan strategik dengan menggunakan kaedah sistematik.



TERAS 7: PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR

Objektif Strategik: (OS1) Menuju implementasi kampus pintar
 Objektif Strategik: (OS2) Menuju kampus UniMAP yang mampan



Inisiatif terpilih Teras Pemantapan Infrastruktur

Fasiliti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan

Koleksi dan fasiliti perpustakaan termasuk dalam ruang lingkup kriteria penilaian sistem pemeringkatan universiti bertaraf dunia seperti QS Stars, SETARA (Penaarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia) dan MyMOHES (Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam). Sehubungan itu, Perpustakaan memainkan peranan penting untuk menyangga agenda pengantarabangsaan melalui penawaran fasiliti bertaraf dunia.


Perpustakaan menggunakan pendekatan *Library as Place* yang menyediakan kepelbagaian ruang pembelajaran dan perkembangan intelektual, sosial dan emosi dalam kalangan warga pengguna. Ia telah dilengkapi dengan Bilik Diskusi, Bilik Pembelajaran Interaktif, *Postgraduate Lounge*, *Ind-E-Zone (Industrial Engagement Zone)*, *Noise Zone*, Hub Pembelajaran, *Library Lounge*, *Student Lounge*, *MCMC Makerspace*, *Read and Ride*, bilik mesyuarat, karek berwayardan Smart Cubes. Dalam tempoh pandemik, sejumlah 168,283 orang pengunjung memanfaatkan Perpustakaan secara fizikal dan maya.



Sistem QR Code ETIKA

Pusat Pengurusan Keselamatan Kesihatan & Persekitaran Pekerja (COSHE) sedang dalam tempoh percubaan penggunaan Sistem QR Code ETIKA yang berfungsi untuk merekod kedatangan pengunjung ke premis-premis di UniMAP. Penggunaan Sistem QR Code ETIKA ini akan terpakai kepada semua kakitangan universiti, pelajar, pekerja kontraktor/ vendor serta pelawat yang hadir ke UniMAP. Inisiatif ini membantu UniMAP untuk mengekang penularan

wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan. Pihak COSHE telah memilih laluan masuk utama ke kampus serta Pusat Perumahan Pelajar sebagai lokasi percubaan dan inisiatif ini dijangka diperluas ke seluruh kampus dari semasa ke semasa.



Kelangsungan projek pembangunan UniMAP


Berdasarkan Belanjawan Tahun 2021 yang telah dibentangkan oleh YAB Menteri Kewangan pada 6 November 2021, Peruntukan Pembangunan (DE) yang telah diluluskan bagi membiayai projek-projek KPT adalah sebanyak RM2,989,213,087.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM32,912,900.00 telah diluluskan kepada UniMAP bagi membiayai empat (4) projek sambungan dan satu (1) projek baharu.

Jadual 27 : Kelulusan Peruntukan Pembangunan (DE) Tahun 2021

BIL	SENARAI PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
1.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	65,000,000.00	100.00
2.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik	42,700,000.00	100.00
3.	Pusat Islam / Masjid	34,800,000.00	4,000,000.00
4.	Pusat Kesihatan Universiti	12,300,000.00	1,000,000.00
5.	Bayaran Konsesi Kolej Kediaman Untuk 4,000 Pelajar	406,386,159.00	27,912,700.00
JUMLAH KESELURUHAN		561,186,159.00	32,912,900.00

TERAS 8: KELESTARIAN KEWANGAN


Objektif Strategik: (OS1) Mengukuhkan sumber kewangan



Inisiatif dan pencapaian terpilih Teras Kelestarian Kewangan


Pendapatan dan perbelanjaan keseluruhan

Pendapatan UniMAP Bagi Tahun Berakhir 2021 adalah berjumlah RM348.12 juta berbanding dengan RM310.94 juta bagi tahun 2020, iaitu meningkat sebanyak RM37.18 (11.9%). Perbelanjaan UniMAP bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM326.57 juta berbanding dengan RM325.79 juta bagi tahun 2020, iaitu meningkat sebanyak RM0.78 juta (0.2%).




Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan keseluruhan UniMAP 2020-2021

Pendapatan mengurus UniMAP Bagi Tahun Berakhir 2021 berjumlah RM272.07 juta berbanding dengan RM248.21 juta bagi tahun 2020, iaitu meningkat sebanyak RM23.86 juta (9.6%). Perbelanjaan mengurus UniMAP Bagi Tahun Berakhir 2021 berjumlah RM263.46 juta berbanding dengan RM259.37 juta bagi tahun 2020, iaitu meningkat sebanyak RM4.09 juta (1.6%).



Pendapatan mengurus UniMAP 2020-2021



Perbelanjaan mengurus UniMAP 2020-2021

Pelan Strategi UniMAP 2025 Fasa III

Fasa III ialah fasa terakhir dalam UniMAP 2025 yang merangkumi tiga tahun pelaksanaan. Bengkel semakan pencapaian dan inisiatif telah diadakan pada Januari 2023 sebelum sasaran bagi setiap KPI dihebah dan dilatakan kepada pelaksana. Lima Teras utama dan Tiga Teras pemangkin dikekalkan, masing-masing dengan objektif strategik yang telah ditetapkan pada awal pelan.

TERAS 1: PENGUKUHAN AKADEMIK

Penguksuhan Akademik merupakan tunjang utama atau *core business* sesebuah universiti dan ianya adalah agenda yang sangat penting dan berimpak tinggi. Sesuai dengan peranan tersebut, Teras Penguksuhan Akademik harus memastikan semua program akademik yang ditawarkan sentiasa selari dengan keperluan industri dan berupaya melahirkan graduan yang bersifat holistik, berdaya saing dan bijak meneroka peluang baharu.

Pernyataan Lestari

Menyediakan program pengajian yang berkualiti dan mampan berserta infostruktur dan infrastruktur kelas pertama bagi melahirkan individu yang bermanfaat kepada masyarakat dan dunia.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)



Objektif strategik (OS1):

Menjadi institusi TVET yang ternama

Justifikasi OS1:

UniMAP sebagai sebuah universiti teknikal di bawah rangkaian MTUN berperanan untuk mengarusperdanakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat pendidikan tinggi dalam menyokong agenda pembangunan negara.

Inisiatif:

1. Melantik felo industri.
2. Memastikan nisbah program TVET dan bukan TVET mencapai 70:30.
3. Membangunkan kurikulum berteraskan keperluan industri.
4. Membangunkan kapasiti sumber manusia TVET.
5. Mempelbagaikan mod penyampaian dan penawaran program.
6. Membangunkan kerangka Pusat TVET UniMAP yang terdiri daripada URTF & Makmal-makmal Industri.
7. Mewujudkan Universiti Revolution Teaching Factory (URTF).
8. Merancang dan membangunkan modul bagi kursus-kursus di Pusat TVET UniMAP.

9. Menganjurkan kursus-kursus/ program yang mendapat pengiktirafan badan profesional dan industri berkaitan.
10. Mengintegrasikan kursus-kursus Pusat TVET UniMAP ke dalam kurikulum program akademik.
11. Menjalankan program WBL di Pusat TVET UniMAP
12. Mewujudkan kerjasama dalam aktiviti berkaitan TVET dengan pemain-pemain utama industri.
13. Mewujudkan kerjasama dalam aktiviti berkaitan TVET dengan institusi/ badan profesional/ universiti tempatan dan luar negara yang terkemuka.
14. Mewujudkan kerjasama dengan komuniti setempat dalam aktiviti berkaitan TVET
15. Menaiktaraf Universiti Revolution Teaching Factory (URTF) sebagai pusat sangkutan industri bagi staf UniMAP dan luar UniMAP.
16. Mewujudkan kerjasama dengan rakan pintar (dalam/ luar UniMAP) dalam menawarkan program.
17. Menubuhkan jawatankuasa penasihat industri dalam pembangunan modul dan memperkasakan hubungan dengan industri.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Peratus program TVET yang ditawarkan	65%	67%	70%	Terdapat 4 program TVET baharu telah dirancang bagi tahun 2022 dan hanya 2 program telah diluluskan di peringkat KPT. Program TVET baharu perlu menggunakan manual COPTPA. Kekangan utama dalam pematuhan terhadap COPTPA adalah melibatkan kriteria tenaga pengajar TVET.
Bilangan kursus/ program yang memberi nilai tambah kepada kompetensi pelajar.	5	7	10	Beban tugas staf akademik yang menjadi Pengurus Makmal/Bengkel Kos penyelenggaraan, naiktaraf dan penggantian peralatan usang di makmal Ruang di Pusat TVET yang terhad Bilangan tenaga pengajar yang bertauliah (<i>certified</i>)

				<p>yang terhad selain kemudahan infra yang masih perlu dinaik taraf.</p> <p>Memastikan kursus-kursus yang dintegrasikan mengikut manual standard akreditasi program Infrastruktur yang masih belum lengkap.</p>
<p>Bilangan aktiviti libatsama dengan rakan strategik dan komuniti TVET tempatan dan antarabangsa</p>	15	20	25	<p>Peruntukan kewangan yang terhad untuk menjalankan aktiviti melibatkan institusi/badan profesional / universiti tempatan dan luar negara yang terkemuka.</p> <p>Proses kelulusan MoU/MoA yang mengambil masa agak panjang (sekurang-kurangnya 3 bulan) menyebabkan aktiviti yang dirancang terpaksa ditunda/lambat dilaksanakan.</p> <p>Peruntukan kewangan yang terhad untuk menjalankan aktiviti dan menaiktaraf URTF.</p> <p>Memperkenalkan Pusat TVET UniMAP sebagai pemain utama TVET di zon utara.</p>
<p>Bilangan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang memenuhi permintaan industri semasa</p>	20	25	30	<p>Kerjasama bersama rakan pintar lain masih dalam proses perbincangan dan belum dimuktamadkan.</p> <p>Proses pengurusan perolehan juga menyumbang kepada</p>

				kelewatan persefahaman dan persetujuan. 3 kertas cadangan program profesional baharu telah diperaku oleh JPA dan dibawa ke SENAT kelak.
--	--	--	--	---

Objektif strategik (OS2):

Melaksanakan kerangka pendidikan fleksibel UniMAP

Justifikasi OS2:

Pendidikan secara fleksibel merupakan antara agenda utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan merupakan kaedah pengajian masa hadapan.

Inisiatif:

1. Membangun dan menawarkan kursus micro-credential, MOOC dan Open Courseware (OCW).
2. Membangunkan program ODL.
3. Membangunkan garis panduan Credit Transfer Mechanism (CTM) pembelajaran dalam talian.
4. Menubuhkan pusat APEL C & APEL Q.
5. Mengadakan semakan syarat kemasukan.
6. Menganjurkan kursus pembelajaran sepanjang hayat berteraskan komuniti.
7. Membangunkan kurikulum dan rancangan mengajar yang fleksibel bagi membolehkan ramai pelajar mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan secara micro-credential. [**10% daripada jumlah pelajar yang mengikuti kursus-kursus*]
8. Membangunkan kurikulum kursus-kursus yang terlibat dalam penawaran secara ODL. [**satu program di FPK*]
9. Membangunkan polisi yang berkaitan dengan APEL.
10. Pengurangan yuran bagi pelajar UniMAP yang mendaftar kursus *micro credential*.
11. Meningkatkan kompetensi digital dan melaksanakan latihan/ kursus berkaitan.
12. Membangun dan menambahbaik bahan pembelajaran digital.
13. Memperkasakan pedagogi digital dalam kalangan staf akademik.
14. Melatih staf akademik dalam mengendalikan Pentaksiran Autentik Berterusan (CAA) dalam talian.
15. Membantu dan melatih staf akademik dalam penggunaan Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS).

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan kursus/ program pengajian yang dibangunkan bagi memenuhi Kerangka Pendidikan Fleksibel	20	32	42	<p>Peruntukan latihan sedia ada yang digunakan oleh LEAD adalah daripada Vot Latihan (keutamaan diberikan kepada kursus pengesahan jawatan). Untuk melaksanakan program berdasarkan UFEF, LEAD memerlukan peruntukan tambahan (belanjawan program) selain tabung penjanaan pendapatan.</p> <p>Keperluan pereka bagi membangunkan digital <i>content e-learning</i>. Surat memohon pereka telah dimajukan kepada pendaftar pada akhir tahun 2022.</p> <p>FED – tiada AR untuk membantu ketua FED utk urus tadbir berkaitan dasar pendidikan fleksibel.</p>
Bilangan pelajar yang mengikuti Kerangka Pendidikan Fleksibel	50	210	420	<p>Peruntukan latihan sedia ada yang digunakan oleh LEAD adalah daripada Vot Latihan (keutamaan diberikan kepada kursus pengesahan jawatan). Untuk melaksanakan program berdasarkan</p>

				<p>UFEF, LEAD memerlukan peruntukan tambahan (belanjawan program) selain tabung penjanaaan pendapatan.</p> <p>Keperluan pereka bagi membangunkan digital content e-learning. Surat memohon pereka telah dimajukan kepada pendaftar pada akhir tahun 2022.</p> <p>FED – tiada AR untuk membantu ketua FED utk urus tadbir berkaitan dasar pendidikan fleksibel.</p>
Bilangan staf akademik tersedia untuk Kerangka Pendidikan Fleksibel.	470	720	980	<p>Peruntukan latihan sedia ada yang digunakan oleh LEAD adalah daripada Vot Latihan (keutamaan diberikan kepada kursus pengesahan jawatan). Untuk melaksanakan program berdasarkan UFEF, LEAD memerlukan peruntukan tambahan (belanjawan program) selain daripada menggunakan sumber penjanaaan pendapatan PTj.</p>

Objektif strategik (OS3):

Menawarkan program yang kompetitif

Justifikasi OS3:

Penawaran program pengajian yang terkini dan relevan dengan perkembangan semasa dan menepati keperluan industri agar dapat menghasilkan graduan yang berkualiti.

Inisiatif:

1. Meningkatkan bilangan tenaga pengajar yang memiliki pensijilan profesional yang diiktiraf.
2. Mengadakan kursus/ latihan profesional di UniMAP.
3. Membangunkan OD yang jelas terutamanya membezakan Sijil Profesional dan Kelayakkan Professional (Ir. Ts. dan Ar).
4. Mengalakkan staf yang tiada pengalaman industri mengikuti skim sangkutan industri.
5. Menambahbaik skim sangkutan industri sedia ada.
6. Mewujudkan Skim Khas bagi pensyarah TVET untuk mengikuti Sijil Pendidikan Profesional TVET.
7. Menyediakan insentif pembayaran yuran tahunan bagi kelayakan Ir.
8. Memperkasakan program mentoring
9. Mengalakkan staf yang tiada pengalaman industri mengikuti skim sangkutan industri.
10. Memperkasakan Geran Insentif Penerbitan Jurutera Profesional.
11. Mengadakan taklimat kepada tenaga pengajar yang terlibat.
12. Mengenalpasti sijil kompetensi yang bersesuaian.
13. Mengenalpasti rakan industri yang bersesuaian dengan badan persijilan.
14. Penambahan kaedah penyampaian (Mod Industri -2u2i/3u li).

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Peratus program TVET yang memenuhi syarat minimum 30% tenaga pengajar yang mempunyai kompetensi/pensijilan profesional.	100%	100%	100%	Terdapat kekeliruan takrifan Sijil Kompetensi dan Sijil Profesional. Sijil Kompetensi dan Sijil Profesional merupakan keperluan didalam akreditasi TTAC dan ETAC bagi kriteria tenaga pengajar TVET.
Peratus program TVET yang memenuhi syarat 50% tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman industri minimum 2 tahun.	5%	25%	50%	Skim sangkutan industri hanya memberi fokus kepada keperluan kelayakkan Professional (Ir.) bagi program Kejuruteraan sahaja.

				Bagi keperluan terkini (Merujuk kepada COPTPA – 2020), semua tenaga pengajar bagi program TVET perlu mempunyai pengalaman industri minimum selama 2 tahun.
Peratus pensyarah TVET yang memiliki Sijil Pendidik Profesional TVET.	2%	4%	8%	Kekangan bilangan pensyarah TVET untuk mengikuti Sijil Pendidikan Profesional TVET. Tiada pensyarah TVET UniMAP (Diploma, Teknologi, Teknologi Kejuruteraan, Komunikasi Media Baharu) yang memiliki Sijil Pendidikan Profesional TVET.
Peratus program kejuruteraan yang memenuhi syarat minimum tenaga pengajar berkelayakan Jurutera Profesional (Ir).	100%	100%	100%	Memastikan peruntukan geran insentif diguna pakai oleh penerima geran insentif penerbitan tersebut. 2021 - 6 insentif diluluskan. Penggunaan geran: 4 kertas kerja diterbitkan 2022 - 9 insentif diluluskan. Penggunaan geran: Hanya 1 kertas kerja diterbitkan bagi tahun 2022.
Bilangan program akademik yang menyediakan laluan kepada pelajar untuk mendapat sekurang-kurangnya satu sijil	8	10	12	Tiada

kompetensi sebelum berijazah.				
Bilangan program 2u2i/3u1i (OBB)	7	8	9	Perlu membangunkan program baharu yang menggunakan Mod Industri (2u2i/3u1i). Setelah merujuk kepada Pekeliling bertarikh 19 Ogos 2019, KPT dan MQA membenarkan penambahan Kaedah Penyampaian Secara Mod Pelbagai.

Objektif strategik (OS4):

Memastikan enrolmen pelajar yang mampan

Justifikasi OS4:

UniMAP komited dalam mempromosikan program-program pengajiannya yang relevan dan dapat menghasilkan graduan yang diterima industri dalam dan luar negara, serta menjamin kelangsungan kewangan universiti dalam jangka masa panjang.

Inisiatif:

1. Menambahbaik prasarana UniMAP (fasiliti dan utiliti).
2. Memperkasakan program jelajah promosi 'Jom Masuk UniMAP'.
3. Meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa dengan kerjasama ejen dan pihak kedutaan.
4. Mengadakan 'Open Day'
5. Memperkasakan jenama UniMAP melalui media komunikasi interaktif sebagai saluran hebahan maklumat.
6. Mewujudkan jaringan kerjasama dengan pusat kaunseling sekolah/ kolej komuniti/ politeknik/ kolej vokasional/ matrikulasi bagi mengenalpasti prospektif (feeder) kepada program-program pengajian UniMAP.
7. Memperkasakan program kerjasama akademik dengan institusi dalam dan luar negara.
8. Menambahbaik polisi dan strategi berkaitan permindahan kredit.
9. Memperkasakan Pelajar/Alumni sebagai ejen promosi (Student Get Student Scheme).
10. Membenarkan pembayaran yuran semester pertama secara ansuran.
11. Memperkasakan pelaksanaan program pengajian sedia ada menggunakan mod pendidikan fleksibel.
12. Meningkatkan bilangan GRA daripada sumber kewangan Universiti dan pengecualian yuran pada tahun pertama perngajian (untuk mod penyelidikan).
13. Menawarkan program baharu peringkat Sarjana (Mod Kerja Kursus) bagi setiap fakulti yang belum mempunyai program kerja kursus.
14. Menawarkan program baharu peringkat Sarjana (Mod ODL).
15. Promosi kepada pelajar tahun akhir prasiswazah melalui fakulti.

16. Menambahbaik fasiliti kepada pelajar bagi meningkatkan indeks kepuasan pelajar.
17. Pendaftaran calon Alumni UniMAP dibenarkan tanpa surat tamat pengajian.
18. Memperkasakan program kerjasama akademik dengan institusi dalam dan luar negara.
19. Memperkasakan Pelajar sebagai ejen promosi (*Student Get Student Scheme*) - international.
20. Mewujudkan insentif alumni get student (international and local students) dan student get student (local students).
21. Meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa dengan kerjasama ejen dan pihak kedutaan.
22. Mewujudkan program integrasi sarjana muda ke program sarjana.
23. Menggunakan khidmat ejen dan kerjasama pihak kedutaan untuk meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa.
24. Menggunakan insentif kewangan melalui *Student Get Student Scheme*.
25. Meningkatkan indeks kepuasan pelajar antarabangsa sepanjang keberadaan di UniMAP.
26. Pemberian diskaun untuk kemasukan secara berkelompok melalui MOU/MOA.
27. Membenarkan pembayaran yuran melalui kad kredit kepada pelajar antarabangsa.
28. Menyediakan rumah transit untuk pelajar antarabangsa.
29. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunter kepada pelajar antarabangsa.
30. Memperkasakan Pusat Sehenti Pelajar Antarabangsa (OSCi).
31. Menawarkan program Open and Distance Learning (ODL) kepada pelajar antarabangsa.
32. Mempelbagaikan mod pengajaran dan pembelajaran (PdP).
33. Memperkasakan jenama UniMAP melalui media komunikasi interaktif sebagai saluran hebahan maklumat.
34. Pemantauan rapi oleh Rakan Pembimbing Siswa (RPS).
35. Bimbingan kaunseling berkala kepada pelajar sebagai motivasi.
36. Bantuan bagi pelajar yang mempunyai masalah kewangan.
37. Mengemaskini rekod pelajar yang tidak aktif melalui proses pemutihan berkala di peringkat fakulti.
38. Meningkatkan promosi bagi mendapatkan pelajar yang memilih UniMAP sebagai pilihan utama.
39. Pemantauan & perhatian di peringkat fakulti melalui RPS dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar agar tidak menjadi masalah yang akan membawa kepada berhenti pengajian.
40. Menambahbaik prasarana UniMAP (fasiliti dan utiliti).
41. Memperkasakan program jelajah promosi 'Jom Masuk UniMAP'.
42. Meningkatkan kemasukan pelajar luar negara dengan kerjasama ejen dan pihak kedutaan
43. Mewujudkan jaringan kerjasama dengan pusat kaunseling sekolah/ kolej komuniti/ politeknik/ kolej vokasional/ matrikulasi bagi mengenalpasti *feeder* kepada program-program pengajian UniMAP.
44. Memperkasakan program kerjasama akademik dengan institusi dalam dan luar negara.
45. Memperkasakan jenama UniMAP melalui media komunikasi interaktif sebagai saluran hebahan maklumat.
46. Menambahbaik polisi dan strategi berkaitan permindahan kredit.
47. Memperkasakan Alumni sebagai ejen promosi pelajar dalam & luar negara.
48. Pihak fakulti di bantu oleh CGS memantau progress pelajar-pelajar bermula tahun pertama pengajian dan perjumpaan bersama pelajar-pelajar untuk memberi kesedaran dan keperluan untuk graduate on time.

- 49. Penambahbaikan sistem GAMIS untuk memberi reminder kepada pelajar (OPI) dan penyelia (Unisis dan GAMIS) tentang candidature pelajar (untuk mencapai iGOT): pada bulan yang ke-12, bulan yang ke- 18 selepas mendaftar.
- 50. Memastikan pelajar mendaftar untuk kursus '*Research Methodology*' pada semester pertama.
- 51. Membentuk jaringan pelajar: Menjalankan perjumpaan bersama pelajar-pelajar setiap semester (fakulti dibantu oleh CGS)- aktiviti-aktiviti seminar, bengkel, kolokium, talk (time management, GOT, effective thesis writing dll).
- 52. Pemantauan pelajar melalui penghantaran '*Progress Report*' pada setiap penghujung semester.
- 53. Mengadakan '*Proposal Defense*' dalam tempoh yang ditetapkan dalam garis panduan.
- 54. Pihak fakulti di bantu oleh CGS memantau progress pelajar-pelajar bermula tahun pertama pengajian dan perjumpaan bersama pelajar-pelajar untuk memberi kesedaran dan keperluan untuk graduate on time.
- 55. Penambahbaikan sistem GAMIS untuk memberi reminder kepada pelajar (OPI) dan penyelia (Unisis dan GAMIS) tentang candidature pelajar (untuk mencapai iGOT): pada tahun pertama, tahun ke-2, tahun ke-3 dan tahun ke - 3 1/2 selepas mendaftar.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Peratus pelajar yang berjaya mendaftar untuk mengikuti pengajian di peringkat prasiswazah.	90%	95%	100%	Jumlah prajaya yang rendah setiap tahun. Trend permohonan bagi sesetengah program menurun bagi kebanyakan UA (cth: bidang elektronik). Kesedaran calon untuk mengambil MUET bagi lepasan Diploma/ setaraf masih rendah. Kekurangan kerjasama fakulti dengan agensi/IPT luar sebagai feeder kepada program pengajian yang kurang pelajar. Kekurangan calon STEM.
Bilangan pelajar yang berjaya mendaftar untuk mengikuti pengajian di peringkat pascasiswazah.	240	300	390	Kekurangan fasiliti yang disediakan kepada pelajar. Contohnya tiada tempat penginapan disediakan. Kurang aktiviti promosi untuk program pascasiswazah.

				Tidak mendapat kerjasama dari pihak ejen dan kedutaan untuk mendapatkan pelajar antarabangsa.
Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa yang mendaftar untuk mengikuti pengajian di UniMAP.	564	606	647	Kekangan kewangan bagi program promosi luar negara. Pengaruh pelajar/bekas pelajar berkaitan kekurangan fasiliti di UniMAP. Penguatkuasaan khidmat ejen masih tiada.
Peratus pelajar Sarjana Muda menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan di universiti awam. (OBB)	85%	85%	85%	Masih terdapat pelajar yang terkesan dengan Covid-19 dan tidak dapat menamatkan pengajian. Pemantauan awal di peringkat RPS kepada pelajar-pelajar yang akan berijazah sebelum masuk tahun akhir pengajian.
Peratus keciciran pelajar di peringkat sarjana muda di Universiti Awam. (OBB)	<7%	<7%	<7%	Tawaran berganda daripada UA lain pada masa yang sama. Tawaran pekerjaan yang diterima oleh pelajar pada masa yang sama. Masalah kemudahan asas dan prasarana di UniMAP.
Peratus enrolmen pelajar dalam program TVET di Universiti Awam (OBB)	40%	40%	50%	Kesedaran calon untuk mengambil MUET bagi lepasan Diploma/ setaraf masih rendah. Tawaran pekerjaan yang diterima oleh pelajar pada masa yang sama. Kesedaran dan minat calon terhadap program

				TVET masih rendah terutama program Teknologi dan Teknologi Kejuruteraan.
Peratus pelajar Sarjana menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan. (OBB)	50%	50%	50%	Kekangan kewangan bagi sesetengah pelajar semasa pandemik Covid-19 menyebabkan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian kepada pengajian. Pelajar berhutang dan tidak mendaftar semester menyebabkan mereka tidak meneruskan pengajian atau tiada kemajuan dalam penyelidikan/ pengajian. Pelajar dewasa mempunyai pelbagai komitmen yang menghadkan tumpuan terhadap pengajian.
Peratus pelajar PhD menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan. (OBB)	40%	40%	40%	Kekangan kewangan bagi sesetengah pelajar semasa pandemik Covid-19 menyebabkan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian kepada pengajian. Pelajar berhutang dan tidak mendaftar semester menyebabkan mereka tidak meneruskan pengajian atau tiada kemajuan dalam penyelidikan/ pengajian. Pelajar dewasa mempunyai pelbagai komitmen yang menghadkan tumpuan terhadap pengajian.

Peratus keciciran pelajar di peringkat Sarjana. (OBB)	<18%	<18%	<18%	Memastikan semua keperluan pelajar semasa pengajian disediakan dengan baik. Mendapatkan penginapan untuk pelajar pascasiswazah terutamanya pelajar antarabangsa.
Peratus keciciran pelajar di peringkat PhD. (OBB)	<19%	<19%	<19%	Memastikan semua keperluan pelajar semasa pengajian disediakan dengan baik. Mendapatkan penginapan untuk pelajar pascasiswazah terutamanya pelajar antarabangsa.

Objektif strategik (OS5):

Menyediakan kemudahan dan sistem akademik bertaraf dunia

Justifikasi OS5:

Dalam mendokong Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Pengajian Tinggi 2021-2025 (PSP KPT 2021-2025) UniMAP komited menyediakan kemudahan dan sistem akademik berlandaskan perubahan dan perkembangan terkini dalam mencapai kecemerlangan akademik yang mampan di peringkat global.

Inisiatif:

1. Menaiktaraf Makmal Digital LEAD sedia ada kepada Hyflex Classroom.
2. Menyediakan satu ruang/bilik kuliah pembelajaran digital di setiap fakulti.
3. Menyediakan studio bagi pembangunan bahan pengajaran digital.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan fasiliti/kemudahan makmal yang menyokong proses pembelajaran terkini.	2	5	7	Ruang digital Classroom di setiap fakulti merupakan inisiatif di bawah UFEF. Ruang hanya akan dapat dibangunkan sekiranya Universiti memperuntukkan

				<p>belanjawan yang dianggarkan (RM100K) bagi setiap satu ruang di fakulti. Sebagai iniatif, peruntukan kewangan pembangunan makmal digital juga telah dimohon kepada RP3 2023, RMKe-12.</p>
--	--	--	--	---

TERAS 2: PEMERKASAAN PENYELIDIKAN, INOVASI & PENGKOMERSIALAN

Hasrat teras ini ialah untuk memperkasakan impak penyelidikan dalam dan luar negara serta menyedia dan mengukuhkan ekosistem penyelidikan yang mampan bagi menghasilkan penyelidik tempatan yang berdaya saing di persada antarabangsa untuk meningkatkan kualiti kehidupan sejahtera pada peringkat tempatan dan global dan memacu inovasi dan pengkomersialan ke arah memenuhi aspirasi bagi pertumbuhan ekonomi dan perkembangan sosial yang membawa kemakmuran kepada negara. KPI di bawah Teras ini adalah berdasarkan tiga objektif strategik (OS) iaitu memperkasakan impak penyelidikan di persada antarabangsa, mengukuhkan ekosistem penyelidikan yang mampan dan memacu inovasi dan pengkomersialan.

Pernyataan Lestari

Memperkasakan impak penyelidikan, menyediakan ekosistem penyelidikan yang mampan serta memacu inovasi dan pengkomersialan ke arah memenuhi aspirasi negara dan mencapai matlamat kelestarian di peringkat global.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)



Semua SDG lain bergantung kepada bidang penyelidikan dan penerbitan yang dijalankan.

Objektif strategik (OS1):

Memperkasakan impak penyelidikan di persada antarabangsa

Justifikasi OS1:

Meningkatkan impak penyelidikan dan keterlihatan UniMAP di peringkat global dan tahap pencapaian UniMAP dalam penarafan antarabangsa.

Inisiatif:

1. Menyediakan dana geran sepadan antarabangsa;
2. Memastikan KPI aktiviti penyelidikan bersama dinyatakan dalam MoU/MoA yang ditandatangani;
3. Memastikan setiap CoE/fakulti melantik penasihat antarabangsa dan pensyarah kunjungan penyelidikan antarabangsa (sukarela).
4. Mewajibkan KPI penerbitan bersama dalam MoA penyelidikan yang ditandatangani.
5. Mengadakan program mentor-mentee (PEER);
6. Menyediakan dana bagi pemberian insentif dan pembiayaan yuran penerbitan jurnal;
7. Mengadakan webinar berkaitan penulisan jurnal berimpak;
8. Menggalakkan penyelidik menghasilkan penerbitan jurnal melalui Polisi Penerbitan Penyelidikan.
9. Menyediakan Geran Pascadoktoral.
10. Langganan pangkalan data WoS & Scopus.
11. Mengadakan bengkel penulisan buku dan bab dalam buku.
12. Mengadakan program mentor-mentee (PEER);

13. Menggalakkan penghasilan jurnal berimpak tinggi dengan penyediaan dana penerbitan yang lebih tinggi;
14. Menyediakan dana bagi pemberian insentif penerbitan jurnal;
15. Menawarkan Geran Pascadoktoral dengan KPI penerbitan jurnal berimpak .
16. Memastikan setiap geran penyelidikan dalaman mempunyai KPI penerbitan;
17. Menggalakkan penyelidik menghasilkan penerbitan berbentuk 'review';
18. Mengadakan bengkel kaedah penulisan jurnal;
19. Menyediakan tatacara dan etika penerbitan dan menggalakkan penyelidik menghasilkan penerbitan melalui Polisi Penerbitan Penyelidikan.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Peratus kolaborasi penyelidikan antarabangsa lestari yang berimpak	40%	50%	60%	Kekangan dana; kesukaran mendapatkan rakan kerjasama antarabangsa yang bersedia untuk membuat pindahan dana ke UniMAP
Peratus penerbitan bersama institusi antarabangsa	40%	50%	60%	Kekangan dana bagi membiayai yuran penerbitan jurnal berimpak
Peratus penerbitan jurnal berimpak tinggi (Q1 & Q2)	20%	25%	30%	Kekangan dana bagi membiayai yuran penerbitan jurnal berimpak; kekangan dana bagi penawaran lebih banyak Geran Pascadoktoral kekangan dana bagi melanggan pangkalan data
Peratus penerbitan buku dan bab dalam buku penyelidikan	10%	11%	12%	Penerbitan buku tidak menjadi fokus penyelidik berbanding penghasilan jurnal
Nilai 'Field Weighted Citation Impact' (FWCI)	1.1	1.15	1.2	Penerbitan yang tidak mampu menarik sitasi yang tinggi; Kekangan dana bagi membiayai yuran

Nisbah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks (bagi setiap staf) [OBB]	1:1.8	1:1.8	1:1.8	penerbitan jurnal berimpak; kekangan dana bagi memberi insentif penerbitan jurnal, kekangan dana bagi menawarkan lebih banyak Geran Pascadoktoral Sitasi sendiri (<i>Self-citation</i>) yang tinggi
Nisbah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di UniMAP [OBB]	1:33	1:33	1:33	

Objektif strategik (OS2):

Mengukuhkan ekosistem penyelidikan yang mampan

Justifikasi OS2:

Memberi sokongan kepada penyelidik dalam menjalankan aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan melalui pengukuhan ekosistem penyelidikan yang merangkumi dana penyelidikan, infrastruktur serta penyelidik yang berkualiti.

Inisiatif:

1. Menyediakan dana bagi pengurusan dan pengiktirafan makmal penyelidikan oleh badan akreditasi.
2. Penawaran Geran GRA;
3. Penawaran Geran Pascasiswazah bagi membiayai yuran pengajian.
4. Hebahan berkala mengenai maklumat dana penyelidikan melalui pelbagai media;
5. Mengadakan bengkel penulisan dan penilaian geran KPT;
6. Mengadakan sesi perkongsian dan amalan terbaik dalam memohon geran penyelidikan;
7. Mengadakan program mentor-mentee (PEER);
8. Menyediakan dana geran dalaman;
9. Mempromosi penawaran pemotongan cukai dua kali (double tax deduction).
10. Meningkatkan kerjasama dengan industri melalui UniMAP Agro-Nexus.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan makmal penyelidikan yang diiktiraf badan akreditasi	3	3	3	Kekangan dana untuk pembelian alat baru serta penyelenggaraan dan kalibrasi
Nisbah penyeliaan pascasiswazah (PhD) bagi setiap staf akademik yang mempunyai PhD	1.1	1.3	1.5	Kekangan dana bagi penawaran geran GRA dan pascasiswazah

Nilai perolehan geran tahunan	RM14 Juta	RM16 Juta	RM18 Juta	Kekangan dana bagi penawaran geran penyelidikan dalaman
Peratus pensyarah yang menjadi penyelidik utama dalam geran penyelidikan (kebangsaan/ industri/ antarabangsa) [OBB]	35%	35%	35%	Penyelidik tidak berminat/ kurang pengalaman memohon geran luar

Objektif strategik (OS3):

Memacu inovasi dan pengkomersialan

Justifikasi OS3:

Memenuhi aspirasi negara dalam memperkasakan kerjasama industri-akademia dan meningkatkan hasil penajaan serta sumber pendapatan universiti melalui aktiviti inovasi dan pengkomersialan.

Inisiatif:

1. Mewujudkan dana peperiksaan substantive (SE) sekurang-kurangnya 10 paten setiap tahun.
2. Pemantauan awal status paten-paten yang di buat pada 4 ke 5 tahun terdahulu.
3. Mengadakan bengkel pemfailan harta intelek dan membuka kaunter sementara pendaftaran MYIPO di UniMAP;
4. Meneruskan dana pembiayaan IP pada setiap tahun.
5. Meneruskan penyediaan Polisi bagi pengurusan pengkomersialan harta intelek dan dijangka akan diluluskan pada tahun 2023.
6. Meneruskan dana geran pengkomersialan;
7. Menyediakan dana geran sepadan dengan pihak industri atau agensi luar;
8. Mempromosi faedah potongan cukai dua kali (DTD).
9. Kerjasama industri melalui program UniMAP Agro-Nexus.
10. Memuktamadkan Garis Panduan Start-Up Company.
11. Menganjurkan pameran penyelidikan dalaman sebagai asas pemilihan ke pameran luar.
12. Meningkatkan kualiti produk inovasi selari dengan kriteria penjurian dan mencapai TRL 6 dan ke atas.
13. Meneruskan penyediaan polisi bagi pengurusan harta intelek dijangka akan diluluskan pada tahun 2023.
14. Meneruskan dana geran pengkomersialan;
15. Mewujudkan dana pre- pengkomersialan.
16. Mengadakan sesi 'pitching' produk-produk penyelidikan/inovasi bersama industri.
17. Membuat saringan/penilaian bagi membiayai kos keseluruhan harta intelek yang hanya mempunyai potensi pengkomersialan.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan paten baharu yang diperolehi bagi setiap 100 staf akademik	4	6	8	Tempoh penilaian paten yang lama; Paten baharu diperolehi setelah dinilai oleh MYIPO mengambil masa untuk dimasukkan ke dalam sistem Kos peperiksaan <i>substantive</i> paten yang tinggi
Peratusan paten baharu yang difailkan	20%	25%	30%	Kos pemfailan paten yang mahal
Nilai pendapatan daripada hasil pengkomersialan	RM 70,000	RM 90,000	RM 100,000	Pembangunan Polisi Pengurusan Pengkomersialan Harta Intelek mengambil masa yang lama
Peratus perolehan geran industri	10%	15%	20%	Memastikan industri tidak menarik diri daripada meneruskan pembiayaan geran yang telah dipersetujui: Kemasukan dana industri yang mengambil tempoh yang lama
Bilangan syarikat start-up yang aktif	2	3	4	Penyediaan Garis Panduan Start-up Company mengambil tempoh yang lama
Bilangan pingat emas/khas yang diperolehi daripada penyertaan dalam pertandingan inovasi peringkat kebangsaan/ antarabangsa [OBB]	50	50	50	Kos yang tinggi untuk penyertaan ke pameran inovasi

<p>Peratusan teknologi/ produk penyelidikan dikomersialkan berbanding IP yang difaikkan pada tahun semasa [OBB]</p>	<p>5%</p>	<p>5%</p>	<p>5%</p>	<p>Teknologi/ produk tidak mencapai tahap TRL yang membolehkan produk dikomersialkan</p> <p>Tiada kesinambungan bagi menambah baik atau mengusahakan pengkomersialan projek fundamental yang telah selesai</p>
---	-----------	-----------	-----------	--

TERAS 3: KESEJAHTERAAN PELAJAR

Pembangunan teras ini ialah berdasarkan kepada nilai teras Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) iaitu Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan dan berpandukan kepada Visi HEPA iaitu Iltizam melahirkan mahasiswa yang berilmu dan berketrampilan serta membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi Negara. Rujukan juga dibuat kepada misi melahirkan mahasiswa yang berpersonaliti unggul dan holistik melalui kesepaduan proses pembangunan insan yang berkualiti serta perkhidmatan yang cemerlang.

Pernyataan Lestari

Menyediakan platform dan medium untuk menghasilkan mahasiswa yang holistik, kompeten dan berbakat yang sentiasa cakna kepada kelestarian kampus dan aspek kesejahteraan pelajar serta mampu memberi sumbangan kepada masyarakat.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)



Objektif strategik (OS1):

Kampus mesra pelajar yang kondusif

Justifikasi OS1:

Peningkatan tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan.

Inisiatif:

1. Meningkatkan kualiti infrastruktur pembelajaran, penginapan dan perkhidmatan seluruh kampus. Fokus utama adalah untuk:
 - ✓ Menambahbaik liputan internet
 - ✓ Meningkatkan kualiti perkhidmatan staf
 - ✓ Meningkatkan kebersihan dan kemudahan tandas
 - ✓ Meningkatkan tahap interaksi & komunikasi di kalangan pelajar melalui Speaker's Corner dan Dinamika Kumpulan
2. Menyediakan infrastruktur yang lengkap seperti WIFI & perabot.
3. Pembinaan laluan jogging di Tasik Alumni.
4. Menyediakan kemudahan riadah di sepanjang dataran boulevard dan kolej-kolej kediaman.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Meningkatkan tahap indeks kesejahteraan pelajar	80%	80%	80%	Soalan kajian perlu spesifik khususnya dari sudut lokasi - Mudah untuk ambil tindakan penambahbaikan
Menyediakan ruang kegiatan pelajar (Student Centre / Student Lounge)	6	6	6	Kewangan dan ruang yang sesuai mengikut keselesaan pelajar.
Menyedia/ menambahbaik kemudahan rekreasi	3	3	3	Kewangan dan sumbangan dana yang terhad

Objektif strategik (OS2):

Memperkasa kebajikan dan pengupayaan pelajar

Justifikasi OS2:

Meringankan beban kewangan yang dihadapi pelajar dengan menyediakan dana bantuan yang mampan disamping pelaksanaan pelbagai program kerjaya bagi meningkatkan motivasi dan kecemerlangan pelajar.

Inisiatif:

1. Meningkatkan sumber dana dan bantuan yang mampan kepada pelajar.
2. E-tabung/apps Bank Data Pelajar.
3. Pemantauan RPS.
4. Pelaksanaan Program kaunseling & kerohanian kepada pelajar.
5. Pelaksanaan Program pembangunan kerjaya kepada pelajar dengan penglibatan pelbagai pihak termasuk pengupayaan Alumni.
6. Pelaksanaan sesi kaunseling individu dan kelompok kepada pelajar.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Jumlah Dana Untuk Kebajikan Pelajar (pelajar B40)	RM500K	RM600K	RM700K	Sumbangan daripada pihak agensi terutama selepas pasca covid
Bilangan pelajar yang menerima bantuan	4500	5000	5500	Berlakunya peningkatan jumlah pelajar yang terkesan akibat covid dan memerlukan tambahan dana bantuan

Bilangan Program Penasihatian Dan Khidmat Kaunseling	44	48	52	Kewangan, Kekurangan bilik bagi melaksanakan sesi kaunseling individu dan kelompok.
Bilangan program pembangunan kerjaya kepada pelajar	40	50	60	Kewangan
Bilangan pelajar yang mengikuti sesi kaunseling / penasihatian	120	140	160	Kewangan, Kekurangan bilik bagi melaksanakan sesi kaunseling individu dan kelompok.

Objektif strategik (OS3):

Menambahbaik kemampuan ekosistem keusahawanan

Justifikasi OS3:

Meningkatkan jumlah pelajar yang menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan sebagai pemangkin pembangunan kerjaya yang lebih mampan.

Inisiatif:

1. Menyediakan peluang pekerjaan.
2. Membangunkan database keusahawanan pelajar.
3. Mewujudkan latihan berstruktur dari tahun 1 hingga Tahun 4 pengajian.
4. Modal awal keusahawanan.
5. Mengenalpasti kumpulan sasaran yang berpotensi untuk ikuti program elektif keusahawanan.
6. Menyediakan infra/modal pemula dan platform keusahawanan kepada pelajar.
7. Menggalakkan penyertaan usahawanan Alumni sebagai mentor/ikon.
8. Mengadakan kerjasama erat dengan agensi melalui pelbagai program.
9. Membangunkan produk atau perkhidmatan berpotensi berasaskan teknologi dan inovasi.
10. Meningkatkan kemantapan usahawan pelajar melalui program cabaran inovasi
11. Meneroka peluang dana/ geran dari agensi kerajaan dan swasta.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Jumlah peluang pekerjaan yang disediakan kepada pelajar	400	500	600	Keperluan kepakaran untuk menghasilkan bahan promosi yang lebih relevan bagi

				menembusi capaian kepada pelajar seperti di media sosial bagi mewar-warkan peluang-peluang pekerjaan yang disediakan
Penyertaan pelajar dalam ekosistem keusahawanan	660	726	800	Kewangan, kekurangan dana pembiayaan untuk menyediakan dana perniagaan pelajar
Jumlah jaringan Keusahawanan (agensi)	15	20	25	Tiada
Jumlah pelajar yang terlibat di dalam keusahawanan berteraskan inovasi/ teknologi/ digital	18	24	30	Kekangan bajet untuk menghantar pelajar dan mentor pelajar (di kalangan staff) untuk mengikuti program atau boot-camp sebelum pertandingan
Penjanaan dana/ geran keusahawanan	RM 150K	RM 200K	RM 250K	Kekangan sumber geran keusahawanan
Peratus graduan yang bekerja sendiri pada tahun konvokesyen [OBB]	80%	80%	80%	
Peratusan graduan Universiti Awam yang mendapat pekerjaan pada tahun konvokesyen [OBB]	62%	62%	62%	
Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, menunggu penempatan atau melanjutkan pengajian semasa konvokesyen [OBB]	95%	95%	95%	

Objektif strategik (OS4):

Pemantapan kepimpinan dan pembangunan bakat pelajar

Justifikasi OS4:

Peningkatan bilangan pelajar yang berketerampilan serta diiktiraf di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Inisiatif:

1. Pelaksanaan dan penganjuran program jati diri dan kepimpinan pelajar dengan penglibatan pelbagai agensi termasuk Alumni UniMAP, Ko-K.
2. Menggalakkan penyertaan pelajar dalam program / aktiviti yang berimpak tinggi untuk memastikan universiti dapat mengesan & memantau perkembangan pelajar.
3. Meningkatkan jumlah Pelajar yang menerima pengiktirafan / memenangi anugerah di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa.
4. Pengiktirafan pelajar dengan memenangi Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan program jati diri dan kepimpinan yang dilaksanakan	300	350	400	Kewangan
Jumlah pelajar yang terlibat dalam program jati diri dan kepimpinan	3000	3500	4000	Kekangan masa pelajar dalam mengurus tadbir akademik dan aktiviti sahsiah
Penglibatan/ penyertaan pelajar di peringkat Universiti / Kebangsaan / antarabangsa	3000	3500	4000	Kewangan
Pengiktirafan pelajar di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa	200	250	300	Kewangan
Pengiktirafan pelajar di peringkat kebangsaan (Anugerah tokoh Siswa)	2	4	6	Persaingan dalam menjalankan program dan aktiviti di peringkat kebangsaan/ antarabangsa

TERAS 4: PENGANTARABANGSAAN

Usaha untuk merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan akademik di persada antarabangsa menuntut penglibatan maksimum dan komitmen warga institusi pengajian tinggi, khususnya para akademik dan pelajar dalam pelbagai bentuk kegiatan di peringkat antarabangsa. Penyertaan staf dan pelajar dalam program mobiliti inbound dan outbound yang semakin meningkat, pertambahan enrolmen pelajar antarabangsa dan peningkatan bilangan program berimpak melalui jalinan kerjasama rakan strategik antarabangsa adalah antara petunjuk utama bahawa sesebuah institusi pengajian tinggi itu sedang giat melaksanakan agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi. Selaras dengan inisiatif pengantarabangsaan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), UniMAP terus mempergiatkan aktiviti pengantarabangsaan melalui pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang. Impak pengantarabangsaan ini bukan sahaja akan dapat dinikmati oleh UniMAP, malah faedahnya akan turut dirasai oleh negeri Perlis. Dari sudut ekonomi, kesan pengganda daripada peningkatan bilangan pelajar antarabangsa terhadap ekonomi adalah besar.

Satu kajian di Amerika Syarikat mendapati bahawa, peningkatan 25% dalam enrolmen pelajar antarabangsa mampu menjana pertambahan pendapatan negara sebanyak USD10 billion, dan membuka 100,000 peluang pekerjaan baharu. Bukan itu sahaja, peningkatan kemasukan pelajar antarabangsa juga akan membawa banyak manfaat kepada para pelajar, baik pelajar tempatan mahupun pelajar antarabangsa itu sendiri. Perbezaan bahasa, budaya dan nilai akan lebih mematangkan pelajar. Berada jauh daripada keluarga akan meningkatkan keyakinan diri, dan mengajar mereka untuk lebih berani membuat keputusan sendiri dan menjadikan mereka lebih berdikari. Selain memperoleh ilmu dan ijazah, mereka juga akan dapat memperbaiki dan meningkatkan kemahiran insaniah dari segi kemampuan berkomunikasi, kebolehan bekerja dalam kumpulan serta menyerlahkan bakat kepimpinan. Kemahiran seperti ini akan dapat meningkatkan peluang mereka untuk mudah diterima dalam alam pekerjaan setelah bergraduasi kelak.

Pernyataan Lestari

Mempergiatkan jaringan dan jalinan kerjasama rakan strategik antarabangsa melalui pelbagai inisiatif dan aktiviti yang bersifat lestari bagi keterlihatan di peringkat global untuk jangka masa panjang.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)



Objektif strategik (OS1):

Keterlihatan antarabangsa yang terserlah

Justifikasi OS1:

Pengukuran dikira berdasarkan aspek penglibatan universiti dalam menyerlahkan jaringan antarabangsa melalui aktiviti berimpak dengan institusi pendidikan tinggi dan industri dari luar

negara yang dilaksanakan sama ada dengan atau tanpa memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian persefahaman (MoA).

Penyertaan staf dan pelajar dalam program mobiliti *inbound* dan *outbound* yang semakin meningkat, pertambahan enrolmen pelajar antarabangsa dan peningkatan bilangan program berimpak melalui jalinan kerjasama rakan strategik antarabangsa adalah antara petunjuk utama bahawa sesebuah institusi pengajian tinggi itu sedang giat melaksanakan agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi.

Inisiatif:

1. Melaksanakan kerjasama sedia ada dan mewujudkan kerjasama baharu dengan rakan-rakan strategik.
2. Menganjurkan seminar dan persidangan antarabangsa dengan universiti antarabangsa terkemuka secara berstruktur dan berkala.
3. Melaksanakan kerjasama dengan industri multi-nasional dengan kerjasama CIGC.
4. Melaksanakan aktiviti strategik yang melibatkan ahli dari rangkaian multilateral yang aktif seperti ATU-Net, IMTGT dan AUPF.
5. Mengenal pasti, menggalakkan dan meningkatkan bilangan pelajar yang menyertai program secara bersemuka/ dalam talian melalui kerjasama dengan pihak fakulti bagi program mobiliti *inbound* sama ada secara bersemuka/ dalam talian untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
6. Keutamaan program mobiliti *outbound* di negara-negara jiran seperti Brunei, Thailand, Indonesia dan Singapura.
7. Bekerjasama rapat dengan pihak Fakulti, AMC, RMC, dan CoE untuk mengenal pasti, menggalakkan dan meningkatkan bilangan penyertaan staf bagi program mobiliti *inbound* sama ada secara bersemuka/ dalam talian untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
8. Melantik profesor/ pensyarah/ penyelidik kunjungan antarabangsa yang boleh melakukan aktiviti secara bersemuka/dalam talian.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan aktiviti pengantarabangsaan yang berimpak.	115	125	135	<p>Tidak mendapat komitmen sepenuhnya PIC kepada MoU/ MoA yang ditandatangani.</p> <p>Tidak mendapat komitmen sepenuhnya daripada rakan strategik. Aktiviti yang telah dilaksanakan tanpa Mou/ MoA tidak diambil kira sebagai pencapaian</p>

				Memerlukan peruntukan Kewangan yang mencukupi untuk Penganjuran aktiviti.
Bilangan pelajar institusi luar negara yang menyertai program mobiliti <i>inbound</i> antarabangsa.	100 <i>QS/THE/TIR</i> (12) <i>KPT/SETARA/UniMAP 2025</i> (88)	120 <i>QS/THE/TIR</i> (15) <i>KPT/SETARA/UniMAP 2025</i> (105)	130 <i>QS/THE/TIR</i> (20) <i>KPT/SETARA / UniMAP 2025</i> (110)	<i>Home University</i> (yang ada <i>MoU/MoA</i>) akan meminta <i>UniMAP waive</i> yuran asrama, fasiliti, etc. yang menyebabkan tiada pendapatan dijana oleh pihak universiti. Kekurangan kediaman yang kondusif dan menepati <i>standard</i> pelajar antarabangsa bagi peserta mobiliti <i>inbound</i> (fizikal). Kadar yuran permohonan pas mobiliti yang tinggi di EMGS bagi program mobiliti jangka panjang [3-12 bulan] antara RM500-RM1,000 berdasarkan kepada tempoh program. Masalah liputan internet yang lemah bagi pelaksanaan program mobiliti secara dalam talian.
Bilangan pelajar UniMAP yang menyertai program mobiliti <i>outbound</i> antarabangsa.	200 <i>QS/THE/TIR</i> (3) <i>KPT/SETARA/UniMAP 2025</i> (197)	230 <i>QS/THE/TIR</i> (5) <i>KPT/SETARA/UniMAP 2025</i> (225)	270 <i>QS/THE/TIR</i> (7) <i>KPT/SETARA / UniMAP 2025</i> (263)	Kekangan kewangan bagi penyertaan ke luar negara walaupun ramai yang berminat. Yuran penyertaan yang dikenakan adalah dalam matawang asing (USD) menyebabkan kos yang tinggi dan penyertaan pelajar terhad Tiada peruntukan kewangan khas diperuntukkan kepada

				<p>pelajar yang mengikuti program mobiliti <i>outbound</i>.</p> <p>Masalah liputan internet yang lemah bagi pelaksanaan program mobiliti secara dalam talian.</p>
<p>Bilangan staf institusi luar negara yang menyertai program mobiliti <i>inbound</i> antarabangsa</p>	<p>25</p> <p><i>QS/THE/TIR</i> (1)</p> <p><i>KPT/SETARA/UniMAP 2025</i> (24)</p>	<p>30</p> <p><i>QS/THE/TIR</i> (1)</p> <p><i>KPT/SETARA/UniMAP 2025</i> (29)</p>	<p>40</p> <p><i>QS/THE/TIR</i> (1)</p> <p><i>KPT/SETARA / UniMAP 2025</i> (39)</p>	<p><i>Home University</i> (yang ada <i>MoU/MoA</i>) akan meminta menyediakan kemudahan penginapan yang menyebabkan implikasi kewangan.</p> <p>Kekurangan kediaman yang kondusif dan menepati <i>standard</i> tetamu antarabangsa bagi peserta mobiliti <i>inbound</i> (fizikal).</p> <p>Masalah liputan internet yang lemah bagi pelaksanaan Program mobiliti secara dalam talian.</p>
<p>Bilangan staf UniMAP yang menyertai program mobiliti <i>outbound</i> antarabangsa.</p>	<p>70</p> <p><i>QS/THE/TIR</i> (1)</p> <p><i>KPT/SETARA/UniMAP 2025</i> (69)</p>	<p>80</p> <p><i>QS/THE/TIR</i> (2)</p> <p><i>KPT/SETARA/UniMAP 2025</i> (78)</p>	<p>90</p> <p><i>QS/THE/TIR</i> (3)</p> <p><i>KPT/SETARA / UniMAP 2025</i> (87)</p>	<p>Kekangan kewangan bagi penyertaan ke luar negara walaupun ramai yang berminat.</p> <p>Yuran penyertaan yang dikenakan adalah dalam matawang asing (USD) menyebabkan kos yang tinggi dan penyertaan pelajar terhad.</p> <p>Tiada peruntukan kewangan khusus diperuntukkan kepada staf yang mengikuti program mobiliti <i>outbound</i></p>

Objektif strategik (OS2):

Pemeriksaan imej sebagai sebuah universiti antarabangsa

Justifikasi OS2:

Pemeriksaan imej UniMAP sebagai sebuah universiti antarabangsa merupakan elemen penting dalam membina keterlihatan dan reputasi UniMAP seterusnya membantu mempromosi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan UniMAP. Imej yang terserlah akan memberi kelebihan kepada UniMAP dalam persaingan untuk mendapatkan pelajar antarabangsa serta dana dan peruntukan kewangan daripada kerajaan dan industri, meningkatkan peluang untuk mendapatkan geran penyelidikan seterusnya mampu menarik penyertaan pensyarah yang berkualiti dan berkaliber untuk menjadi tenaga pengajar dan penyelidik di UniMAP.

Inisiatif:

1. Mengenal pasti rakan universiti antarabangsa yang berpotensi untuk bekerjasama dalam penawaran program.
2. Meningkatkan program akademik/kursus yang bersesuaian untuk ditawarkan kepada rakan universiti antarabangsa.
3. Meningkatkan bilangan pelajar dan staf yang akan terlibat dalam penawaran program.
4. Meningkatkan kualiti infrastruktur dan infostruktur bagi memenuhi keperluan program.
5. Memperkasakan alumni antarabangsa sebagai ejen promosi untuk mewartakan penawaran program di UniMAP.
6. Memperkasakan media komunikasi interaktif sebagai saluran utama dalam mempromosikan program yang ditawarkan UniMAP.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan program akademik yang dilaksanakan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi luar negara dalam pelbagai mod pembelajaran. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> • Virtual Mobility • Credit Transfer • Program • Edutourism • Program • Dual Degree Program 	4	6	8	Proses kelulusan penawaran program yang panjang menyebabkan rakan strategik hilang minat untuk bekerjasama. Kos untuk menyediakan dan menaik taraf infra untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang tinggi. Keperluan kos untuk latihan bagi meningkatkan kompetensi staf.

Objektif strategik (OS3):

Persekitaran berorientasi global

Justifikasi OS3:

Pengalaman antarabangsa dikaitkan secara langsung dengan proses globalisasi. Persekitaran berorientasi global menjadi objektif strategik terakhir bagi Teras Pengantarabangsaan UniMAP 2025. Mengantarabangsakan pengalaman pelajar dan kampus merujuk kepada usaha yang dilakukan untuk mewujudkan persekitaran kampus yang bersifat global. Persekitaran berorientasi global dapat diukur melalui jumlah aktiviti yang dapat memberi pendedahan antarabangsa kepada pelajar dan staf di UniMAP.

Inisiatif:

1. Menjemput penceramah antarabangsa untuk perkongsian ilmu.
2. Mempelbagaikan aktiviti dan program yang boleh mengkayakan pengalaman pelajar dan staf seperti penganjuran *summer programme*, *international talk*, *short courses*, aktiviti sukan dan temasya kebudayaan dengan melibatkan staf dan pelajar daripada pelbagai negara, kaum, bangsa dan budaya.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan aktiviti yang memberi pendedahan kepada pelajar dan staf UniMAP.	40	45	50	<p>Pelajar dan staf akademik tidak dapat menyertai aktiviti yang dianjurkan kerana terlibat dengan P&P.</p> <p>Kekangan kewangan bagi penganjuran program secara fizikal.</p> <p>Kurang penyertaan daripada staf dan pelajar untuk menyertai program.</p>

TERAS 5: LIBAT SAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

UniMAP for Society merupakan satu tanggungjawab dan agenda universiti dalam menyelesaikan isu-isu masyarakat melalui program pemindahan ilmu yang berteraskan transdisiplin bagi mensejahterakan masyarakat. Pendekatan transdisiplin memberi ruang yang luas kepada kepelbagaian bidang ilmu yang diintergrasikan bagi menyelesaikan isu dalam masyarakat. Teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti sebagai salah satu pemangkin utama Pelan Strategik UniMAP 2025 menfokuskan kepada pembangunan ilmu menerusi projek dan penyelidikan komuniti berimpak tinggi. Selain itu, penglibatan staf dari Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Fakulti serta pelajar dapat digemblengkan dalam melaksanakan projek USR berimpak tinggi melalui pelaksanaan program *ServiceLearning Malaysia University for Society* (SULAM) yang dapat mengkomersialkan idea-idea atau inovasi baharu untuk mendorong transformasi sosio-ekonomi masyarakat setempat.

Pernyataan Lestari

Menyumbang kepakaran melalui program pemindahan ilmu (Knowledge Transfer Programme - KTP) yang berimpak tinggi bagi mewujudkan kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)



Objektif strategik (OS1):

Pembudayaan dan tanggungjawab sosial yang mampan

Justifikasi OS1:

Mengintegrasikan penyelidikan dan Pendidikan Melalui Program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) Yang mampan ke arah pembangunan komuniti yang sejahtera.

Inisiatif:

1. Mengadakan promosi USR-SULAM kepada staf dan pelajar.
2. Mengenal pasti kumpulan sasaran komuniti.
3. Mewujudkan kerjasama dengan pemimpin setempat.
4. Meningkatkan projek keusahawanan dan kesukarelawan pelajar.
5. Mewujudkan kerjasama dengan Pusat Kokurikulum bagi meningkatkan bilangan projek USR melalui Kursus SMZ19101 Khidmat Komuniti.
6. Mengenal pasti program dan kursus yang bersesuaian untuk melaksanakan SULAM peringkat Fakulti.
7. Menjalankan kajian keberkesanan pelaksanaan projek SULAM kepada pelajar dan komuniti.
8. Memasukkan terma kerjasama dan penglibatan industri/agensi dalam Program *UniMAP for Society* melalui MoU/ MoA yang ditandatangani.
9. Mewujudkan kerjasama dengan industri/ agensi yang menawarkan dana pelaksanaan projek komuniti.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan projek USR-SULAM yang dilaksanakan	100	120	140	Kesukaran memperoleh dana luar bagi pelaksanaan program.
Peratusan program pengajian yang terlibat dalam program SULAM.	40%	45%	50%	Kesukaran memperoleh dana luar bagi pelaksanaan program.
Bilangan penyertaan ahli komuniti dalam projek USR-SULAM.	1,300	1,400	1,500	Tiada
Bilangan penyertaan pelajar dalam projek USR-SULAM.	1,400	1,500	1,600	Tiada
Bilangan penyertaan staf dalam projek USR-SULAM	300	350	400	Tiada
Bilangan industri/ agensi yang terlibat dalam projek USR-SULAM.	70	80	90	Untuk mendapatkan kerjasama daripada industri/ agensi.
Nilai (RM) dana yang diperolehi daripada industri/ agensi dalam projek USR-SULAM.	RM3,000.00	RM4,000.00	RM5,000.00	Tiada

Objektif strategik (OS2):

Memacu kesejahteraan komuniti

Justifikasi OS2:

Penglibatan dan kerjasama erat antara pihak akademik, komuniti dan organisasi luar melalui program pemindahan ilmu (*Knowledge Transfer Programme - KTP*) dapat meningkatkan Kualiti hidup komuniti yang lebih baik serta berupaya menghasilkan output demi memperkasakan komuniti.

Inisiatif:

1. Pemberian geran dalaman.
2. Mewujudkan kerjasama dengan agensi yang menawarkan geran komuniti.
3. Meningkatkan jumlah penyelidikan realistik yang menyelesaikan permasalahan sebenar.
4. Melaksanakan pengukuran Penilaian Memasyarakatkan Universiti.
5. Menetapkan KPI bagi Fakulti untuk tahun semasa.
6. Mengenal pasti kumpulan sasaran komuniti.
7. Mewujudkan kerjasama dengan pemimpin setempat.
8. Menggalakkan penyertaan staf akademik daripada pelbagai bidang dalam projek komuniti berimpak tinggi.
9. Memasukkan terma kerjasama dan penglibatan industri/ agensi dalam Program *UniMAP for Society* melalui MoU/ MoA yang ditandatangani.
10. Mewujudkan kerjasama dengan industri/ agensi yang menawarkan dana/geran pelaksanaan projek komuniti.
11. Menjalankan penilaian awal dan penilaian akhir pelaksanaan projek komuniti.
12. Melaksanakan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) projek komuniti.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan geran penyelidikan komuniti.	13	14	15	Keupayaan staf dalam menyediakan proposal geran yang berkualiti dan berimpak tinggi.
Bilangan projek komuniti yang mempunyai ciri kelestarian dan berinovasi.	12	18	24	Tiada
Bilangan penyertaan ahli komuniti dalam projek komuniti berimpak tinggi	140	160	180	Tiada

Bilangan penyertaan staf dalam projek komuniti berimpak tinggi.	60	70	80	Tiada
Bilangan industri/ agensi yang terlibat dalam projek komuniti berimpak tinggi.	25	35	40	Mengenal pasti industri/ agensi yang berminat untuk bekerjasama.
Nilai (RM) dana yang diperolehi daripada industri/ agensi dalam projek komuniti berimpak tinggi.	RM 550,000.00	RM 600,000.00	RM 650,000.00	Mengenal pasti industri/ agensi yang berminat untuk bekerjasama.
Peratusan Indeks Kesejahteraan Komuniti	80%	85%	85%	Untuk mengenal pasti projek komuniti yang berkualiti dan berimpak tinggi.

TERAS 6: KECEMERLANGAN BAKAT

Mencemerlangkan bakat staf tanpa mengira latar belakang kumpulan perkhidmatan merupakan agenda utama nasional dan menjadi tanggungjawab universiti untuk merealisasikannya. Bakat cemerlang staf bukan hanya boleh diukur melalui Pencapaian Laporan Prestasi Tahunan tetapi melalui kompetensi yang telah diperkenalkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sejak dahulu lagi. UniMAP telah mengambil peranan untuk menggilap bakat staf melalui penilaian yang disusuli dengan program latihan dan pembangunan berteraskan kompetensi. Kompetensi yang dibangunkan adalah selari dengan nilai teras Universiti dan Pelan Strategik jangka panjang bagi memastikan setiap staf universiti bekerja ke arah mentaliti dan daya saing yang berfokus kepada agenda universiti. Hal ini sekaligus memudahkan Misi dan Visi Universiti dicapai secara komprehensif pada semua peringkat staf tanpa mengira skim dan gred.

Bagi menggalakkan proses pembelajaran sepanjang hayat selain program pembangunan dan latihan yang dianjurkan oleh pihak Universiti, setiap aktiviti yang mampu meningkatkan kompetensi yang dihadiri oleh staf sepanjang berkhidmat di UniMAP, sama ada di dalam dan luar Universiti, seperti aktiviti penyelidikan, sukan, perkongsian kepakaran dan keilmuan, termasuk tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti akan diambil kira sebagai mata CPD. Selain itu, staf juga digalakkan untuk mendapat pengalaman industri dan memiliki sijil profesional seperti Ir dan Ts.

Pernyataan Lestari

Mencemerlangkan bakat staf melalui pembangunan dan latihan berteraskan kompetensi bagi menyediakan staf dan pemimpin organisasi yang berdaya saing serta merancang penggantian bagi jawatan strategik untuk kelestarian kepimpinan universiti.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)



Objektif strategik (OS1):

Meningkatkan profesionalisme staf universiti

Justifikasi OS1:

Kecemerlangan dan kualiti staf akademik (pensyarah dan pegawai Latihan vokasional) perlu dipertingkatkan untuk menarik minat pelajar dalam dan luar negara, komuniti, industri dan pihak berkepentingan. Bagi memastikan objektif ini tercapai, kedudukan staf akademik di UniMAP dikaji dari segi kelayakan, kepakaran dan profesionalisme kerana semua elemen ini mempunyai kaitan yang sangat signifikan dengan kewibawaan sesebuah institusi yang

memberi tumpuan kepada keupayaan dan kekuatan staf akademik di UniMAP itu sendiri termasuk penawaran kursus pengajian. Selain pemahaman bakat cemerlang melalui prestasi kerja, kecemerlangan bakat turut boleh diukur melalui peningkatan kelayakan profesionalisme staf yang memiliki PhD, kelayakan professional yang diiktiraf seperti Ir., Ts, dan menyokong agenda pemeraksanaan TVET. Dalam pada itu juga, salah satu strategi untuk universiti adalah dengan pelantikan staf akademik antarabangsa yang berkhidmat di UniMAP agar pengalaman ekosistem yang berbeza yang dimiliki oleh staf antarabangsa ini mampu meningkatkan juga profesionalisme staf UniMAP. Dengan mengambil kira ROI pemegang taruh, UniMAP juga perlu memiliki staf (akademik dan pentadbir) yang mempunyai pengalaman industri dan kelayakan profesional yang relevan.

Inisiatif:

1. Menawarkan pembaharuan yuran tahunan kepada salah satu Badan Profesional.
2. Memperkasakan Program Sangkutan sedia ada.
3. Memperkenalkan Program Fast Track kepada staf akademik UniMAP.
4. Keutamaan Pengambilan baharu staf akademik yang berkelayakan PhD.
5. Memberi bimbingan bagi tamat pengajian (GOT).
6. Memperhebatkan kerjasama dengan Universiti Luar dan mencari staf akademik yang berkelayakan untuk menjadi staf UniMAP.
7. Menambah peruntukan kewangan/insentif bagi menarik minat.
8. Perlantikan minimum setahun.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Peratus staf akademik yang mempunyai kelayakan Technologist (Ts)	30% (x/n)	40% (x/n)	50% (x/n)	Kebanyakan staf akademik tidak memperbaharui pendaftaran Ts. memandangkan keperluannya yang sangat minimum bagi tujuan akreditasi.
Peratus staf akademik yang mempunyai kelayakan Jurutera Profesional (Ir)	10% (95/n)	11% (105/n)	12% (115/n)	Terdapat kekangan bagi Pensyarah sedia ada untuk mengikuti program sangkutan di Industri pada tempoh pandemik COVID-19 (tahun 2020-pertengahan 2022) dimana Industri tidak beroperasi atau beroperasi secara minimum bagi tujuan akreditasi, universiti melantik Pensyarah Kunjungan yang berkelayakan Jurutera Profesional.
Peratus staf akademik yang mempunyai minimum 2 tahun pengalaman industri dan berjaya berkongsi kepakaran (OBB)	10% (95/n)	11% (105/n)	12% (115/n)	
Peratus bakat (akademik dan bukan akademik) dengan kelayakkan professional atau pengalaman industri	32% (349/n)	35% (382/n)	40% (436/n)	

(sekurang-kurangnya 6 tahun secara kumulatif) (OBB)				Kekangan staf akademik untuk mengikuti program sangkutan di industri kerana kekurangan staf di fakulti.
Peratus staf akademik yang berkelayakan PhD	70% (670/n)	75% (718/n)	80% (766/n)	Bilangan staf cuti belajar dan Felo tajaan skim SLAB/SLAI yang tamat pengajian mengikut tempoh masa yang ditetapkan (GOT) semakin berkurang. Pemantauan kemajuan pengajian mereka perlu dipantau secara berkala bersama pihak Fakulti.
Peratus staf akademik antarabangsa	1.5% (14/n)	2% (19/n)	2% (19/n)	Kekangan dari segi urusan kemasukan staf bukan warganegara yang mengambil masa yang lama.

Objektif strategik (OS2):

Memperkasakan pembangunan bakat dan keupayaan universiti

Justifikasi OS2:

Dalam memperkasakan Pembangunan Bakat dan Keupayaan Universiti, OS ini memfokuskan sasaran mencemerlangkan bakat staf tanpa mengira latar belakang kumpulan perkhidmatan merupakan agenda utama nasional dan menjadi tanggungjawab universiti untuk merealisasikannya. Bakat cemerlang staf bukan hanya boleh diukur melalui Pencapaian Laporan Prestasi Tahunan tetapi melalui kompetensi yang telah diperkenalkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sejak dahulu lagi. UniMAP telah mengambil peranan untuk menggilap bakat staf melalui penilaian yang disusuli dengan program latihan dan pembangunan berteraskan kompetensi.

Kompetensi yang dibangunkan adalah selari dengan nilai teras Universiti dan Pelan Strategik jangka panjang bagi memastikan setiap staf universiti bekerja ke arah mentaliti dan daya saing yang berfokus kepada agenda universiti. Hal ini sekaligus memudahkan Misi dan Visi Universiti dicapai secara komprehensif pada semua peringkat staf tanpa mengira skim dan grad. Bagi menggalakkan proses pembelajaran sepanjang hayat selain program pembangunan dan latihan yang dianjurkan oleh pihak Universiti, setiap aktiviti yang mampu meningkatkan kompetensi yang dihadiri oleh staf sepanjang berkhidmat di UniMAP, sama ada di dalam dan luar Universiti, seperti aktiviti penyelidikan, sukan, perkongsian kepakaran dan keilmuan,

termasuk tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti akan diambil kira sebagai mata CPD.

Selain itu, pengiktirafan dan lantikan staf sebagai pakar rujuk di dalam dan luar negara juga membantu memperkasakan pembangunan staf dan keupayaan universiti.

Inisiatif:

1. Melaksanakan program latihan berteraskan set kompetensi teras, profesional dan fungsional, program sangkutan dan penyertaan sijil profesional serta merekodkan penyertaan kursus/ latihan/ program/ sumbangan/ pameran yang memetai set kompetensi universiti.
2. Mengumpulan Maklumat kepakaran university @ Direktori tenaga pakar.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Peratus (%) staf akademik yang telah mencapai mata CPD berteraskan kompetensi	70% (783/1119)	80% (895/1119)	90% (1007/1119)	CPD baru diperkenalkan dan dalam proses pelaksanaan kepada semua staf.
Peratus (%) staf pentadbir yang telah mencapai mata CPD berteraskan kompetensi	80% (177/222)	90% (200/222)	100% (222/222)	
Peratus (%) staf pelaksana yang telah mencapai mata CPD berteraskan kompetensi	80% (617/772)	90% (694/772)	95% (733/772)	
Peratus Bakat (Akademik dan bukan Akademik) yang dilantik /diiktiraf sebagai Pakar Rujuk didalam atau luar negara	20% (218/1092)	30% (327/1092)	40% (436/1092)	Tiada

Objektif strategik (OS3):

Mengukuhkan kelompok bakat kepimpinan

Justifikasi OS3:

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2006 (Panduan Mewujudkan Search Committee dan Proses Pelaksanaan Pelan Penggantian) bertujuan untuk menyediakan panduan mewujudkan Search Committee dan proses pelaksanaan Pelan Penggantian (Succession Planning) yang lebih mantap berkaitan mekanisme sedia ada dalam melaksanakan pemilihan pegawai-pegawai di Gred 48 dan ke atas bagi mengisi jawatan-jawatan strategik. Pekeliling ini selaras dengan Dasar Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) tahun 2007 – Agenda ke- 4: Memperkasakan Kepimpinan dan Memperkukuhkan Pelan Penggantian Pengajian Tinggi.

Kompetensi kepemimpinan diimplementasi melalui latihan serta dinilai tahap pencapaian masing-masing. Kepimpinan organisasi di semua peringkat struktur pentadbiran perlu mempunyai kesinambungannya. Hal ini amat penting bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian pemimpin universiti agar barisan pelapis berjaya disediakan setelah melalui pelbagai latihan dan program pembangunan. Kumpulan ini akan dimasukkan ke dalam kelompok bakat sebagai calon sedia (*ready talent*) bagi setiap jawatan yang mempunyai peranan strategik. Kesemua staf ini akan melalui proses pemprofilan melalui kaedah yang sistematik dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan dan juga pencapaian tertinggi.

Inisiatif:

1. Melatih kelompok bakat bagi fasa 1 pada setiap Q1 (Jan-Mac) berteraskan kompetensi kepimpinan UniMAP melalui:
 - ✓ Pendedahan Kompetensi
 - ✓ Penilaian Kompetensi
 - ✓ Tugas Individu
2. Melatih kelompok bakat bagi fasa 2 pada setiap Q2 (Apr-Jun) berteraskan kompetensi kepimpinan UniMAP melalui:
 - ✓ Perkongsian Kompetensi
 - ✓ Tugas Individu
 - ✓ Tugas Berkumpulan
3. Melatih kelompok bakat bagi fasa 3 pada setiap Q3 (Jul-Sept) berteraskan kompetensi kepimpinan UniMAP melalui:
 - ✓ Percambahan Fikiran
 - ✓ Kajian Kes
 - ✓ Simulasi
 - ✓ CSR
4. Melatih kelompok bakat bagi fasa 3 pada setiap Q4 (Okt-Dis) berteraskan kompetensi kepimpinan UniMAP melalui:
 - ✓ Ujian Personaliti
 - ✓ Internal Job Attachment
 - ✓ Penyelidikan & Inovasi
 - ✓ Penulisan & Penerbitan
5. Menghantar penyertaan ke kursus/program yang berteraskan kompetensi kepimpinan.
6. Memprofilkan calon dari kelompok bakat mengikut jawatan strategik utama setiap tahun tanpa menunggu kekosongan.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Peratus kelompok bakat yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan universiti Fasa 1 Leadership Talk Series (LTS) @UniLEADPro (IUA)	80%	80%	80%	Kurang komitmen daripada peserta kemungkinan kurang faham tentang kepentingan dan keperluan mengikuti Program kepimpinan.
Peratus kelompok bakat yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan universiti Fasa 2 Universiti Executive Program (UEP)	80% (80/100)	80% (40/50)	80% (40/50)	Isu peruntukan kewangan bagi menjayakan program-program kepimpinan Data Pengurusan Risiko
Peratus kelompok bakat yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan universiti Fasa 3 Institutional Development Programme (IDP)	86% (60/70)	80% (40/50)	80% (40/50)	Tiada
Peratus kelompok bakat yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan universiti Fasa 4 Individual Assessment Programme (IAP)	86% (60/70)	80% (40/50)	80% (40/50)	Tiada
Bilangan kelompok bakat yang menghadiri yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan anjuran AKEPT/ Organisasi luar.	50	50	50	Kurang komitmen daripada peserta yang dicalonkan
Bilangan calon yang telah berjaya diprofilkan bagi setiap jawatan strategik utama UniMAP.	24	24	24	Keperluan pada penerangan kepada kelompok bakat akan kepentingan program kepimpinan.

TERAS 7: PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR

Teras Pemantapan Infrastruktur memfokus kepada penyediaan ekosistem untuk kampus pintar yang mampan. Hal ini akan dapat membantu teras strategik lain termasuk teras Pengukuhan Akademik, teras Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, serta agenda Pembangunan Insan. Hal ini juga adalah selari dengan skop tugas semua jabatan/ unit yang menjadi ahli kepada Teras Pemantapan Infrastruktur iaitu Jabatan Pembangunan, DMDC, Jabatan Keselamatan and COSCEM. Strategi yang dibina mengintegrasikan semua inisiatif yang dilaksanakan oleh kesemua jabatan/ unit ini sebagai satu pelan tindakan yang komprehensif, bertujuan memastikan UniMAP tetap kompetitif untuk landskap intitusi pengajian tinggi moden. Salah satu cabaran bagi Teras Pemantapan Infrastruktur adalah untuk menyelaraskan kepelbagaian jenis tugas yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan berlainan di bawah teras ini. Kerja-kerja yang dirancang dan dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan juga terikat dengan projek-projek di bawah RMK. Oleh itu, strategi yang akan dilaksanakan adalah dengan mengintegrasikan usaha yang telah sedia dirancang bersama projek RMK bersama dengan inisiatif baru. Hal ini merangkumi kerangka kerja-kerja Smart Campus di bawah Jabatan Pembangunan, DMDC, Jabatan Keselamatan and serta kerja-kerja Kampus Lestari di bawah COSCEM.

Pelan strategik ini menyenaraikan inisiatif-inisiatif yang menitikberatkan amalan hijau dan mampan. Juga pada masa yang sama, pelan ini mengintegrasikan penyelesaian yang pintar untuk menghasilkan ekosistem yang kondusif untuk mempromosikan kecemerlangan dan mencapai kampus pintar yang melaksanakan amalan mampan. Strategi implementasi aplikasi baharu akan digunakan bagi memperbaiki aplikasi sedia ada dan diintegrasikan dengan sistem asal sedia ada. Pelan strategik ini akan dapat membantu UniMAP dalam:

- mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDGs)
- menjadi kampus yang lebih pintar
- menjadi kampus yang lebih mampan

Secara keseluruhannya, kerja pembangunan ke arah Kampus Pintar Mampan dibahagi kepada tiga (3) fasa, iaitu:

- i. Fasa Pertama: Pembangunan pelantar sokongan Kampus Pintar
- ii. Fasa Kedua: Implementasi sistem aplikasi teras
- iii. Fasa Ketiga: Memperdalam sistem informasi komprehensif Hal ini akan mengambil kira inisiatif baru serta semua perkara yang telah dirancang dan terletak di bawah skop Kampus Pintar yang mampan.

Fasa Pertama (2022-2023): Dalam Fasa Pertama, inisiatif strategik yang utama adalah membangunkan info/ infrastruktur bagi membolehkan pelaksanaan kampus pintar. Perancangan ini termasuk pembangunan pelantar yang akan menyokong pelaksanaan kampus pintar. Hal ini merangkumi kerja-kerja sambungan yang telah dirancang oleh jabatan-jabatan yang berada di bawah teras ini (JP, DMDC, JK and COSCEM). Dan termasuk perancangan bagi Kampus Pauh Putra di bawah RMK.

Fasa Kedua (2024-2025): Fasa ini akan melibatkan pembangunan sistem pintar yang menggunakan pelantar yang tersedia dari Fasa Pertama. Juga akan merangkumi kerja-kerja pembangunan yang telah dirancang di bawah RMK. Bagi fasa ini, pengutipan data berkenaan sistem serta peranti pintar akan dilaksanakan.

Fasa Ketiga (Melangkaui 2025): Fasa ini akan melibatkan pengoptimuman data yang telah dikumpul dalam Fasa Kedua.

Pernyataan Lestari

Menyediakan infrastruktur dan potensi ICT yang berkesan bagi menyediakan kampus hijau yang pintar, selamat dan lestari ke arah mengoptimumkan aset, sumber dan penggunaan tenaga dengan keupayaan sumber boleh diperbaharui bagi keberkesanan kos dalam jangka masa panjang.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)



Objektif strategik (OS1):

Menuju implementasi kampus pintar

Justifikasi OS1:

Objektif strategik ini melibatkan skop kerja-kerja pembangunan infostruktur dan infrastruktur yang diperlukan bagi membina dan melaksana Kampus Pintar. Hal ini merangkumi ruang-lingkup tugas melibatkan Jabatan Pembangunan, DMDC dan Jabatan Keselamatan. Pelaksanaannya adalah dengan mengintegrasikan usaha yang telah sedia dirancang bersama projek RMK bersama dengan inisiatif-inisiatif baharu.

Inisiatif:

1. Membuat jadual pembangunan modul/ sistem.
2. Mengatur sumber manusia secara guna sama mengikut projek yang dijalankan.
3. Menyediakan brif projek/ skop smart building dalam permohonan projek-projek baharu.
4. Kerjasama Bersama PTj berkenaan.
5. Menjemput penyedia perkhidmatan bagi membuat *Request For Information* (RFI).
6. Memohon peruntukan bagi pembelian Dron.
7. Bekerjasama dengan CoE yang memfokuskan dron/ UAV.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Peratusan Kesediaan Infostruktur pelaksanaan Kampus Pintar	40%	70%	100%	Sistem/ Modul yang telah dirancang tidak dapat disiapkan didalam jangkamasa yang telah ditetapkan

Peratusan kesediaan infrastruktur pelaksanaan Kampus Pintar	65%	80%	100%	Berdasarkan kepada kemajuan projek oleh pihak kontraktor
Peratusan Implementasi Aplikasi pintar	40%	70%	100%	Ketersediaan pengguna untuk menggunakan aplikasi pintar bagi keputusan strategik Universiti
Peratusan liputan pengawasan di laluan akses utama masuk dan keluar kampus	100%	-	-	Sumber kewangan bagi membiayai perolehan CCTV
Peratusan liputan Kawasan pengawasan (Kampus Pauh Putra)	50%	100%	-	Sumber kewangan untuk pembelian sebuah dron

Objektif strategik (OS2):

Menuju kampus UniMAP yang mampan

Justifikasi OS2:

Objektif strategik ini merangkumi kerangka kerja-kerja Sustainable Campus di bawah COSCEM, INSAT dan Pembangunan. Hal ini sejajar dengan ruang-lingkup tugas COSCEM, INSAT serta Pembangunan dan akan memperkasa UniMAP demi mencapai kampus yang benar-benar melaksana pengoperasian kampus yang mampan. Seperti OS1 juga, inisiatif-inisiatif di bawah OS2 ini juga mengintegrasikan kerja-kerja yang telah dirancang oleh COSCEM, INSAT dan Pembangunan seperti UniMAP Kelestarian Kampus dan aktiviti-aktiviti lain bagi membolehkan UniMAP memenuhi keperluan *Sustainable Development Goals* (SDG).

Inisiatif:

1. Melaksanakan kursus, latihan, bengkel kepada warga kampus (staf dan pelajar) secara fizikal dan secara maya.
2. Menganjurkan program berimpak berteraskan kelestarian.
3. Memberi kesedaran tentang pengurusan sisa pepejal yang efisien:
 - ✓ Penghasilan baja kompos
 - ✓ Pengumpulan Sisa Kitar Semula
 - ✓ Pengumpulan Sisa Berjadual
 - ✓ Pengumpulan minyak masak terpakai
4. Mengadakan mesyuarat serta perbincangan bersama JK Tenaga dan JK Kampus Lestari.
5. Menjalankan kempen dan kursus penanaman kepada warga UniMAP.
6. Aktiviti penanaman pokok di dalam kampus.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Bilangan aktiviti/ program berteraskan amalan kelestarian	8	10	12	Tiada
Peratus Pelaksanaan Kemampanan Universiti mengikut blueprint bagi 'UniMAP Lestari'	50%	100%	-	Penambahan ahli dalam Jawatankuasa dan staf untuk tujuan pengurusan Implikasi undang - undang Mendapatkan kelulusan polisi Pihak Pengurusan UniMAP
Jumlah kawasan tumbuhan yang ditanam di kampus	1 ekar	1 ekar	1 ekar	Faktor cuaca memberi risiko kepada pertumbuhan anak pokok

TERAS 8: KELESTARIAN KEWANGAN

Kewangan merupakan satu daripada pemangkin utama dalam menyokong kelangsungan sesebuah organisasi. Kini, dengan kos yang semakin meningkat, institusi pengajian tinggi perlu melipatgandakan usaha bagi memastikan kelangsungan dan kecemerlangan Universiti tidak terjejas. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mensyaratkan setiap Universiti awam di Malaysia perlu menjana pendapatan sendiri bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan operasi masing-masing di samping mengurangkan kebergantungan penyaluran peruntukan daripada Kerajaan. Selain itu, Lonjakan 5 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Kemampanan Kewangan, menyatakan bahawa IPT di Malaysia perlu berusaha mendapatkan sumber pendapatan tambahan sebagai alternatif untuk menjadi sebuah institusi pendidikan awam yang lebih fleksibel, kukuh, dan mampan dari segi pengurusan kewangan mereka. Dalam masa yang sama ianya memberi peluang yang luas kepada IPT untuk menjalin kerjasama dengan industri-industri berkaitan demi manfaat bersama.

Pernyataan Lestari

Menyediakan sistem pengurusan perolehan yang mampan dalam menyokong pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat, infrastruktur dan infostruktur yang memenuhi keperluan dan kepentingan pemegang taruh.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)



Objektif strategik (OS1):

Pengukuhan sumber kewangan

Justifikasi OS1:

- Memastikan kelangsungan UniMAP dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan tinggi dengan kemampanan kewangan.
- Memperkasakan pengurusan kewangan dengan lebih efisien.
- Meningkatkan peluang penjana pendapatan Universiti.

Inisiatif:

1. Meningkatkan peratusan pendapatan/ sumber dalaman melalui peningkatan kemasukan pelajar (tempatan/antarabangsa).
2. Meningkatkan pendapatan hasil melalui penawaran program profesional baharu/ sedia ada dan kursus - kursus jangka pendek/ Microcredential.
3. Meningkatkan penjana melalui melalui sewaan kemudahan, penginapan dan aset yang sedia ada di UniMAP dan penyeragaman kadar sewaan aset UniMAP.
4. Mewujudkan Polisi Pengkomersialan dan Garis Panduan Penubuhan Syarikat.
5. Melancarkan dana wakaf UniMAP iaitu:
 - ✓ Dana wakaf tunai/ tunai am
 - ✓ Dana wakaf masjid

6. Mendapatkan pengecualian cukai wakaf dari LHDN.
7. Membangunkan polisi pendanaan.
8. Melancarkan dana endowmen UniMAP untuk kebajikan, kesejahteraan dan pembangunan penyelidikan.
9. Membangunkan polisi pendanaan.
10. Meningkatkan jumlah zakat melalui kepelbagaian platform perbankan mudah alih dan sumber-sumber lain.
11. Meningkatkan dan mempelbagaikan aktiviti penjaan oleh PTj, Fakulti dan COE.
12. Menguatkuasakan polisi penjaan dan memudahkan pengurusan aktiviti penjaan melalui UniJANA. <https://sbddp.unimap.edu.my/jana/main.bin>
13. Mempromosikan pengecualian cukai dan cukai berganda.

KPI	Sasaran			Isu/cabaran
	2023	2024	2025	
Nilai pendapatan yang dijana melalui program akademik (yuran pengajian akademik)	RM24 Juta	RM24.5 Juta	RM25 Juta	Kekurangan calon dalam bidang STEM. Tertumpu kepada sumber calon yang sama. (Cth: UPU)
Nilai pendapatan yang dijana melalui program profesional akademik. (cth: PDCE/ Fakulti)	RM1.8 Juta	RM2 Juta	RM2.4 Juta	Perbincangan, persetujuan dan kelulusan pihak industri mengambil tempoh yang panjang. Persaingan dengan institusi latihan swasta dan Universiti lain.
Nilai pengewangan aset (sedia ada)	RM175 Ribu	RM200 Ribu	RM225 Ribu	Pemilik/ tanggungjawab yang ramai (<i>decentralize</i>).
Nilai penjaan melalui syarikat universiti/syarikat terbitan/spin off	RM100 Ribu	RM150 Ribu	RM200 Ribu	Aliran tunai syarikat universiti/ syarikat terbitan/ spin off. Penjaan pendapatan syarikat universiti/ syarikat terbitan/ spin off.
Nilai dana wakaf yang diperolehi	RM500 Ribu	RM750 Ribu	RM1 Juta	Kekurangan aktiviti promosi untuk mendapatkan sumbangan dana wakaf, endowmen dan zakat.
Nilai dana endowmen yang diperolehi	RM500 Ribu	RM750 Ribu	RM1 Juta	

Nilai dana zakat yang diperoleh	RM500 Ribu	RM750 Ribu	RM1 Juta	Kurang kemudahan/platform dalam urusan sumbangan dana wakaf, endowmen dan zakat.
Nilai penajaan Pusat Tanggungjawab/ Universiti	RM300 Ribu	RM360 Ribu	RM400 Ribu	Kurang keseragaman dalam pelaksanaan aktiviti penajaan.
Nilai hadiah/ sumbangan tunai yang diperolehi	RM200 Ribu	RM240 Ribu	RM280 Ribu	Promosi.
Peratusan penajaan pendapatan berbanding jumlah belanja operasi keseluruhan (OBB)	15%	15%	15%	Tiada

Penutup

Kejayaan UniMAP 2025 amat bergantung kepada kesepakatan semua warga UniMAP dan interaksinya dengan semua pihak yang relevan dari dalam dan luar Universiti. Walaupun pelan ini khusus dibangun dan dilaksanakan pada peringkat universiti, hasilnya mempunyai kesan bukan sahaja kepada pelajar dan staf, tetapi juga kepada komuniti, industri dan Negara amnya.

Kejayaan UniMAP 2025 menuntut kepada kefahaman semua warga UniMAP tentang aspirasi universiti dan keperluan-keperluan yang penting untuk mencapai KPI yang ditetapkan. Pelataan KPI kepada semua fakulti dan pusat tanggungjawab membolehkan semua warga menyumbang kepada kejayaan UniMAP 2025 melalui strategi, inisiatif dan aktiviti yang mantap dan bersepadu.

Sidang Editorial

Pengerusi

Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli

Ketua Editor

Prof. Dr. Harshita Aini Haroon

Ts. Dr. Tan Chye Lih

Penolong Ketua Editor

Puan Isma Irini Shafie

Puan Azimah Aziz @ Azaib

Ketua Teras

Prof. Dr. Mohd Yusoff Mashor

Prof. Ir. Dr. Rizalafande Che Ismail

Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan

Haji Mohd Saad Din

Encik Rusdi Puteh

Prof. Dr. Khairul Azwan Ismail

Prof. Madya Dr. Hanum Hassan

Setiausaha Teras

Prof. Madya Dr. Mohd Aminudin Jamlos

Puan Azilah Abidin

Puan Nor Juliana Johari

Encik Mohd Faiz Mohd Noor

Encik Helmi Halim

Puan Rohazani Bahari

Puan Rohazna Wahab

Encik Mohd Asraf Mohd Noor

Fotografi

Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

Pusat Komunikasi Korporat (PKK)